



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III Bil. 19

Hari Jumaat

15hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kelewatan Pengeluaran Hansard (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) (Ruangan 35)

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) (Ruangan 53)

USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat (Ruangan 61)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 15hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Kelewatan Pengeluaran Hansard

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Penyata Rasmi (**Hansard**) Dewan Negara tidak dapat diedarkan kepada Ahli-ahli pada keesokan hari disebabkan penyediaan **Hansard** bagi Dewan Rakyat semasa sidang Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang berjalan serentak pada kali ini. Jabatan Parlimen tidak mempunyai tenaga kerja yang cukup bagi menyediakan **Hansard** untuk kedua-dua Dewan apabila Dewan-dewan ini bersidang serentak. Walaupun di masa-masa yang lalu semasa kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat bersidang serentak **Hansard** telah disediakan bagi Dewan Negara, tetapi disebabkan peristiwa yang berlaku di Dewan Rakyat dalam sidangnya baru-baru ini, tumpuan sidang diberi kepada Dewan Rakyat untuk menyediakan **Hansard** yang sangat-sangat diperlukan oleh Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

DASAR KBSR/KBSM - PENILAIAN

1. Dato Chan Choong Tak minta Menteri Pendidikan memberi penilaian terhadap kejayaan atau kegagalan sehingga kini:

- (a) Sistem KBSR; dan
- (b) Sistem KBSM.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat kurikulum baru Sekolah Rendah adalah untuk memberikan pendidikan yang menyeluruh kepada murid-murid. Jadi, oleh yang demikian, kejayaan KBSR ini dapat dilihat dari segi aspek pencapaian 3M - Membaca, Menulis dan Mengira - kemahiran belajar dan perkerabangari'sahsiah .

Satu kajian tentang penilaian pencapaian KBSR ini yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dengan Universiti Sains Malaysia pada tahun 1982. Laporan Fasa I (1988) kajian tersebut menunjukkan bahawa taraf penguasaan murid-murid dalam 3M ini adalah lebih tinggi apabila dibandingkan dengan murid-murid yang mengikuti kurikulum lama.

Murid-murid KBSR berjaya menguasai kemahiran belajar yang raudah seperti menyoal, berbincang dan mengeluarkan pendapat . Sebilangan besar murid juga telah menguasai kemahiran belajar yang lebih kompleks lagi seperti mengenal idea-idea utama dan membuat rumusan . Dari segi perkembangan sahsiah, murid-murid KBSR juga didapati lebih berani bercakap dan yakin-dan menunjukkan minat dalam pembelajaran mereka. Budaya membaca juga memuaskan. Selain daripada itu mereka boleh berinteraksi sesama sendiri , bekerjasama dan bertolak ansur.

Laporan kajian penilaian pencapaian KBSR, Fasa II sedang dibuat dan akan dibentangkan pada tahun 1990. Jadi, satu lagi kajian "Projek Inspire" yang menilai tentang pencapaian KBSR bagi murid-murid di luar bandar sedang dijalankan. Projek Inspire ini adalah kajian yang berterusan mengenai penggunaan alat bantu mengajar .

Untuk menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, matlamat KBSM adalah untuk memberikan pendidikan yang menyeluruh kepada pelajar-pelajar berdasarkan falsafah pendidikan negara. KBSM ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan dari segi penilaian, setakat ini pihak Kementerian sedang juga meninjau kefahaman guru-guru tentang falsafah pendidikan negara dan konsep KBSM serta perlaksanannya. Laporan awal penilaian ini menunjukkan bahawa kefahaman guru tentang KBSM serta pengalamannya adalah semakin baik dan telah mencapai satu tahap yang kita boleh katakan memuaskan.

Satu lagi program yang menempatkan pensyarah dari Maktab-maktab Perguruan kita di sekolah-sekolah menengah telahpun ,dijalankan selama satu bulan. Program ini bertujuan-untuk mendedahkan situasi sebenar pelaksanaan KBSM dan masalah-masalah yang timbul di sekolah-sekolah. Jadi, pensyarah-pensyarah ini juga akan menilai dan menerima maklum balas tentang pelaksanaan KBSM di sekolah-sekolah.

Kementerian Pendidikan memandangkan bahawa budaya sekolah yang baik adalah penting untuk kita melaksanakan KBSM; Jadi, oleh sebab itu usaha telah diambil untuk meninjau setakat mana pihak sekolah telah berusaha untuk melahirkan budaya sekolah yang sesuai untuk meninggikan taraf pengajaran dan pembelajaran, Dapatan setakat ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya sekolah-sekolah menengah telah mewujudkan budaya sekolah yang baik untuk kita melaksanakan KBSM. Walau bagaimanapun, pencapaian dari segi ini perlu dipertingkatkan lagi. Jadi, oleh kerana itu saya rasa KBSM masih lagi di peringkat awal, pencapaian sebenarnya belum lagi dapat diukur .

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang telah diberikan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pendidikan, saya kira bolehlah kita sama-sama mengucapkan tahniah kerana apa yang dinyatakan tadi telah sekurang-kurangnya menunjukkan kejayaan sistem KBSR **ini**, sungguhpun mengenai KBSM kita belum dapat membuat apa-apa penilaian lagi. Jadi bolehlah saya kira kita membuat satu rumusan bahawa tidak ada kegagalan. Daripada jawapan yang diberikan itu tadi, semua yang ditunjukkan ialah kejayaan dan tidak ada kegagalan. Oleh kerana itu saya hanya ingin, kalau boleh, mendapat sedikit penjelasan, apakah daripada kajian yang dilakukan ini telah dapat dikenalpasti kelemahan-kelemahan pula dari segi pelaksanaan sistem- KBSR terutamanya dan juga, jika ada, dari segi sistem pelaksanaan sistem KBSM **ini**. Jika ada kelemahan-kelemahan **ini**, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya?

Yang kedua, saya rasa dari segi pelaksanaan sistem KBSM ini, apakah persediaan-persediaan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dari segi menyediakan guru-guru yang benar-benar terlatih untuk melaksanakan sistem KBSM ini kerana salah satu kelemahan dalam pelaksanaan KBSR dahulu ialah dari segi persediaan guru-gurunya yang tidak begitu memuaskan.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas pertanyaan tadi. Dari segi penilaian-penilaian atas sistem KBSR di peringkat sekolah rendah itu kelemahan-kelemahan memang ada wujud tetapi ianya tidak sekali menjadi satu perkara yang membimbangkan dan tidak akan menghalangkan usaha kita untuk menguruskan program ini. Kelemahan-kelemahan ini adalah dari segi tenaga pengajar dan bahan-bahan pengajaran serta kemudahan-kemudahan yang dan diwarisi dari sistem yang lama. Jadi dalam peringkat kita beralih ke sistem baru ini, memang ada kelemahan-kelemahan yang tertentu. Oleh itu Kementerian telahpun mengambil langkah seperti berusaha untuk mempertingkatkan lagi kefahaman dan juga dari segi penyediaan-penyediaan alat untuk kita memberi pendidikan di dalam bilik darjah dan juga memberi teras lagi dalam konsep KBSR ini.

Dari segi kelemahan-kelemahan dalam KBSM juga langkah-langkah telahpun diambil untuk meninggikan lagi atau memperkuat lagi tenaga guru-guru kita. Kementerian telahpun mengambil langkah-langkah dalam menyediakan kursus-kursus sambil perkhidmatan

dan juga semasa cuti sekolah untuk guru-guru dari segi pengurusan, kefahaman dan juga falsafah dalam pendidikan dengan sistem KBSM ini .

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, apabila KBSM dilaksanakan, Kementerian Pendidikan telah memberi jaminan bahawa pengajaran-bahasa Tamil dan bahasa Cina akan dimasukkan dalam jadual waktu seperti matapelajaran-matapelajaran yang biasa. Saya difahamkan-sehingga sekarang lebih kurang 20% sekolah menengah sahaja yang telah memasukkan pengajaran dalam bahasa Tamil-dan bahasa Cina dalam jadual waktu biasa, dari masih lagi 80% sekolah yang belum melaksanakannya Saya ingin dapat tahu apakah-benar-benar kesulitan yang Kementerian menghadapi untuk melaksanakan ajaran bahasa Tamil dan bahasa Cina supaya dimasukkan ke dalam jadual waktu seperti biasa. Terima kasih.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,atas perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya boleh katakan di sini, bahawa kefahaman Ahli Yang Berhormat Itu mungkin kita boleh betulkan. Kita akan teruk mewujudkan matapelajaran-matapelajaran seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam sistem KBSM kita. Boleh dikatakan ,dari segi dasar dan persetujuan, kita telah meluluskan untuk memberi waktu-waktu yang tertentu dan di mana yang sesuai dan telah dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu dalam melaksanakan matapelajaran ini. Apa yang sebenarnya dilihat oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah cara kita untuk mengendalikan atau melaksanakan usaha itu. Kita menghadapi kesulitan seperti kekurangan tenaga, bahan-bahan dan lain-lain sepertimana yang kita hadapi juga dalam melaksanakan matapelajaran-matapelajaran yang lain. Ini adalah

dalam usaha Kerajaan dan Kementerian. Pendidikan seterusnya untuk kita memberi kemudahan-kemudahan dan kita akan meneruskan apa yang kita telah janji untuk mencapai matlamat pendidikan.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benar atau tidak bahawa faktor yang utama untuk menjayakan KBSR ialah bilangan murid-murid yang besar dalam kelas. Kalau itu benar, adakah Kerajaan merancangkan itu untuk mengurangkan bilangan murid-murid di kelas-kelas yang ada sekarang?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, itu memang benar. Kalau kita hendak menjalankan atau memberikan pendidikan yang berteras kualiti, memanglah sudah mungkin kita harus menentukan supaya kelas ada standard yang sepatutnya atau taraf mengenai beberapa orang pelajar patut ada dalam satu bilik darjah. Sebenarnya kalau kita mengikut dari segi nisbah di negara kita, kalau boleh dikatakan, bukanlah ada banyak sekolah-sekolah di mana kita biar mengadakan pelajar-pelajar begitu banyak di bilik darjah. Tetapi memang di kawasan-kawasan dengan penduduk padat ataupun population density, dengan izin di mana keperluan untuk kemasukanpelajar-pelajar dalam sekolah rendah ini makin bertambah, kita nampak adanya ramai pelajar bilik darjah kita. Tetapi untuk mengatasi ini seperti di kawasan-kawasan bandar seperti di Wilayah Persekutuan, di negeri Selangor dan lain-lain tempat misalnya, kita berusaha untuk menambahkan lagi bilik-bilik darjah supaya kita dapat mencapai satu tahap yang memuaskan atau bagi mewujudkan suasana untuk kita menjalankan program KBSR kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi.
Dipersilakan Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi, adakah pengajian komputer dikenali dalam sistem KBSR? Kalau **ada**, adakah sekolah-sekolah dibekalkan dengan komputer?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan menjalankan program mengenalkan komputer ini dari segi kegiatan-kegiatan ko-kurikulum sahaja kerana kita masih menjalankan pengajaran dan pembelajaran kita berasaskan sistem yang pernah diamalkan selama ini. Untuk menggerak atau memberi kemudahan dan peluang kepada seluruh sekolah di negara kita ini, khususnya ke sekolah di mana kegiatan ko-kurikulum seperti mengenalkan komputer ini tidak dapat dijalankan dan perlu diberi pertimbangan atau sumbangan dari Kementerian, memang ada program untuk kita membekalkan komputer.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah saya benarkan satu lagi soalan. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dalam negara kita sekarang ini banyak sekolah-sekolah persendirian ataupun private schools or private institutions, dengan izin, dan adakah prbgram KBSR dan KBSM ini meliputi sekolah-sekolah persendirian ini? Apakah pihak Kementerian setakat ini dapat menilaikan kejayaan pelaksanaan program KBSM dan KBSR di sekolah-sekolah persendirian?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah persendirian ini sungguhpun ada mengikut sistem pendidikan kita tetapi ada kebanyakannya yang menjalankan persediaan kepada sistem pendidikan yang dijalankan di luar negeri. Tetapi yang penting sekali ialah bahawa kita belum ada penilaian yang dibuat atas

sekolah-sekolah persendirian ini dalam pelaksanaan KBSM dan KBSR ini.

ORANG-ORANG CACAT - LATIHAN KEKAHIRAN

2. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) **iaitu** berhubung dengan yang dianjurkan oleh Kementerian yang meminta syarikat-syarikat swasta mengambil orang-orang cacat sebagai pekerja; apakah program-program latihan yang telah dirancang oleh Kerajaan untuk melengkapkan orang-orang cacat dengan kemahiran-kemahiran yang sesuai dan tepat dengan permintaan pada masa ini, misalnya, pekerjaan komputer; dan
- (b) sehingga sekarang terdapat berapa orang-orang cacat di Perkhidmatan Awam dan berapa di sektor swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bahagian

(a) program-program yang telah diatitkan untuk mempertingkatkan dan melengkapkan lagi latihan kemahiran untuk orang cacat sesuai dengan kehendak maskini untuk membolehkan syarikat swasta mengambil orang cacat sebagai pekerja ialah seperti berikut:

- (a) penambahan dan pembukaan kelas-kelas kemahiran untuk orang cacat di Pusat Latihan Teras, Selangor Darul Ehsan;
- (b) pembinaan Pusat Latihan dan Perindustrian Bangi, Selangor Darul Ehaan yang dijangka siap pada tahun 1991 untuk orang cacat dewasa yang berumur 25 tahun dan ke atas;
- (c) pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Persatuan Orang Cacat, Persatuan Orang Pekak dan Persatuan Orang Cacat Anggota telah juga memula dan meningkatkan latihan kemahiran dengan galakan dan sokongan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat;

- (d) Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri dan di daerah-daerah adalah digalakkan memberi bantuan supaya kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk mengadakan lebih banyak lagi bengkel-bengkel bagi maksud melatih orang cacat dengan kemahiran-kemahiran yang sesuai dengan keupayaan dan kebolehan mereka; dan
- (e) di dalam Rancangan Malaysia Keenam, cadangan telah dibuat untuk mewujudkan pusat-pusat seperti berikut:
- (i) sebuah pusat pemulihan dan latihan orang cacat anggota di Kelantan;
 - (ii) sebuah pusat latihan untuk orang cacat pendengaran di Kelantan; dan
 - (iii) dua buah pusat latihan untuk orang cacat penglihatan di Terengganu dan Negeri Sembilan.

Jawapan untuk bahagian (b), bilangan sebenar orang cacat yang sedang berkhidmat dengan perkhidmatan awam, mengikut makluman yang Kementerian saya terima daripada Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut, dan angka ini ialah sehingga 30hb Jun tahun ini:

Perkhidmatan Awam Persekutuan:

Jenis Cacatan	Bilangan
Cacat penglihatan	86
Cacat pendengaran	25
Cacat anggota	294
Jumlah -	<u>405</u>
	=====

Perkhidmatan Awam Negeri

Jenis Cacatan	Bilangan
Cacat penglihatan	13
Cacat pendengaran	15
Cacat anggota	33
Jumlah =	<u>61</u>
	=====

Perkhidmatan Badan-badan Berkanun

Jenis Cacatan	Bilangan
Cacat penglihatan	35
Cacat pendengaran	15
Cacat anggota	110
Jumlah -	<u>160</u>
	=====

Perkhidmatan Kuasa-kuasa Tempatan

Jenis Cacatan	Bilangan
Cacat penglihatan	7
Cacat pendengaran	17
Cacat anggota	42
Jumlah:	66

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak dapat lagi memastikan jumlah pekerja orang-orang cacat di dalam sektor swasta kerana angka-angka ini masih di dalam proses pengumpulan.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang atau sehingga 30hb Jun 1989, kalau ada maklumat, berapa orang cacat yang belum mendapat pekerjaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada angka itu tetapi mengikut pendaftaran orang cacat sehingga bulan Oktober yang Kementerian saya dapati jumlahnya ialah 40,370 orang. Ini bermakna ramai lagi orang cacat yang tidak dapat pekerjaan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimanakah kadar bayaran gaji kepada pekerja orang cacat di Perkhidmatan Awam dan sektor swasta?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, setiap orang cacat yang diambil masuk dalam Perkhidmatan Awam syarat-syarat serta kadar pembayaran gajinya adalah selaras dengan orang-orang biasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan di tol-tol plaza memang kita rasakan sesuai untuk orang-orang cacat melainkan orang yang tidak melihat. Pernahkah Jabatan ataupun Kementerian Kebajikan meminta ataupun merayu kepada syarikat yang berkenaan supaya orang-orang cacat ini diletakkan di tempat-tempat yang tersebut?

Tuan Peter Chin Fah Kwei: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang di dalam proses perundingan dengan pihak PLUS.

BARANG KEPERLUAN - KENAIKAN HARGA

3. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kenapakah harga barang-barang keperluan seperti susu telah naik harganya begitu tinggi. Tidakkah pihak Kementerian mengambil apa-apa langkah untuk mengawasi harga barang-barang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, harga sesuatu barangan di pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran yang berubah-ubah dari masa ke semasa. Kenaikan harga barang mentah, kos pengangkutan, bahan-bahan pembungkus dan perubahan kadar pertukaran matawang asing adalah juga merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi harga sesuatu barangan di pasaran.

Kenaikan harga beberapa jenis barang makanan dan barang-barang perlu lain di negara kita dalam tahun 1989 adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti yang disebutkan di atas. Kenaikan harga runcit susu pekat manis dan susu tepung umpamanya adalah disebabkan

oleh kenaikan kos pengeluarannya berikutan daripada kenaikan harga bahan-bahan mentah iaitu skimmed milk powder dan butter fat serta bahan pembungkusnya iaitu tin plates dan kraftliners. Harga skimraed milk powder dan butter fat telah meningkat kepada US\$1,950 dan US\$1,800 setan masing-masingnya dalam tahun 1988 berbanding dengan US\$800 dan US\$1,100 setan masing-masingnya pada akhir tahun 1986 iaitu meningkat sebanyak 143% dan 63% masing-masingnya. Harga kedua-dua bahan ini telah meningkat lagi di pertengahan tahun 1989 kepada US\$2,082 dan US\$2,181 setan masing-masingnya iaitu meningkat sebanyak 67.7% dan 21.16% masing-masingnya.

Di samping kenaikan harga bahan mentah, harga bahan-bahan pembungkus juga telah meningkat iaitu tin plates dan kraftliners kepada M\$2,200 dan US\$523 di dalam tahun 1988 berbanding dengan M\$1,933 dan US\$355 di dalam tahun 1986 iaitu meningkat kepada 13.81% dan 47.32% masing-masingnya. Bahan-bahan ini telah meningkat lagi di pertengahan tahun 1989 kepada M\$2,530 dan M\$550 iaitu meningkat 15% dan 5.8% masing-masingnya.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor seperti inilah yang menyebabkan kenaikan harga barangan seperti susu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam soalnya.

Kerajaan sedar keadaan ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah perlu bagi mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan di pasaran. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, bahan-bahan petroleum, simen dan besi, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Bagi barang-barang lain yang mana harganya tidak ditetapkan, Kerajaan telah mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengawasan yang berkesan untuk menentukan harga barangan ini di pasaran sentiasa berada di satu tahap yang tidak membebankan dan sebarang kenaikan harga adalah berpatutan dan dilakukan atas sebab-sebab yang munasabah dan yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya. Sistem pengawasan ini meliputi pengisytiharan 20 jenis barang perlu sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga keatas barangan yang dipamerkan untuk jualan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Sekian.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang-di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi keterangan yang baik dan betul. Apabila harga barang naik, pegawai-pegawai penguatkuasaan pergi memeriksanya. Tetapi apabila harga dikurangkan untuk barang-barang seperti gula dan susu, tetapi kedai-kedai berkenaan tidak mengurangkan harga umpamanya, bagi secawan kopi. Bila harga gula naik atau harga susu naik, kalau Kementerian beritahu pada pagi, sebelah petang sudah naik harganya, tetapi apabila harga gula atau susu dikurangkan, kedai kopi tidak langsung

mengurangkan harga itu. Di kedai-kedai kopi secawan kopi kadang-kadang harganya 60 sen, 70 sen, 80 sen, ataupun 90 sen, dan ini tidak termasuk Coffee House di mana harganya \$2.50 satu cawan, kita tidak payah minum. Tetapi saya minta Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, apabila harga barang naik, pegawai-pegawai penguatkuasa pergi memeriksa, seperti juga bila harga barang dikurangkan pun Kementerian mahu ambil tindakan supaya dikurangkan harganya khasnya di kedai-kedai kopi.

Tuan Tang di-Pertua: Apa soalan tambahannya Yang Berhormat?
[Ketawa]

Tuan G. Rajoo: Adakah pihak Kementerian menghantar pegawai-pegawai penguatkuasa untuk memeriksa harga-harga apabila harga barang-barang dikurangkan?:

Tuan Tang di-Pertua: Silakan.

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar keadaan seperti ini kadang-kadang berlaku. Turun-naik harga barang-barang seperti kopi atau susu adalah satu perkara yang biasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengharap jika pengguna-pengguna mengetahui bahawa sesuatu kedai menaikkan harga kopi lebih, janganlah pergi ke sana dan minum di kedai itu. [Ketawa] Kalau kita ada sifat macam ini, saya harap keadaan ini tidak akan berlaku.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerana Yang Berhormat tahu selalunya kedai-kedai kopi tidak mahu menurunkan harga apabila harga barang sudah turun, itu sebab Yang Berhormat, saya tidak pernah tengok, pergi ke kedai kopi. Adakah begitu kerana sebab ini? [Ketawa]

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya juga ada pergi ke kedai kopi dan minum kopi, tetapi Kerajaan kita mengamalkan satu sistem ekonomi bebas, dan di dalam satu sistem ekonomi bebas ini, walaupun kita boleh meletakkan dan menetapkan satu harga kepada barangan yang tertentu, ada juga beberapa barangan lain lagi yang kita tidak boleh menetapkan harganya. Oleh **itu**, saya harap kedai-kedai tidak akan berbuat begitu, tetapi kalau kita memaksa mereka berbuat demikian, ia bermakna kita mewujudkan satu situasi di mana sistem bebas ekonomi terjejas dan akibatnya adalah lebih buruk lagi.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menyebutkan tentang 20 jenis barang-barang kawalan tetap. Tetapi aneh sedikit, orang ramai nampak tidak begitu puas hati seperti pengguna atau consumers, dengan izin, berasa tidak puas hati dengan cara kenaikan harga itu. Khususnya saya lihat, dengan izin, multinational organisations, dia ini banyak ada helah, pakar dia itu yang boleh hendak menceritakan macam mana gayanya perlu barang-barang ini dinaikkan lebih pintar lagi pakar-pakar kita barangkali. Inilah sebabnya Kementerian ini mungkinlah dipengaruhi dengan cara-cara dia punya rayuan **itu**, maka dibenarkan, dengan ini maka harga barang-barang pun dijual cara besar. Oleh kerana baru-baru ini Kerajaan telah menurunkan Cukai Jualan dan Cukai Import, adakah Kementerian ini akan berusaha sedaya upaya untuk menasihatkan organisasi ini menurunkan harga?

Dato Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu nampaknya susah sedikit untuk menjawabnya. Walau bagaimanapun, saya akan cuba jawab. Berkaitan dengan Persatuan Pengguna-pengguna atau pengguha-pengguna, Kerajaan sedar dan kita bersimpati dengan pengguna-pengguna. Oleh itu, Kerajaan menggubal Undang-undang dan menguatkuasakan beberapa tindakan-tindakan untuk melindungi pengguna-pengguna di negara kita. Lagi pun Kerajaan menubuhkan suatu Majlis Pengguna di mana kita boleh bercakap dengan pengguna-pengguna dan melihat apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna ini dan mengatasi masalah-masalah itu.

Berkaitan dengan cukai import, ini adalah satu masalah kerana cukai, ini diturunkan oleh Kementerian Kewangan dan baru-baru sahaja ia diumumkan dalam Budget, dan kita tidak boleh melihat pada masa ini apakah akibatnya. Mungkin kalau soalan tambahan ini dibawakan sekali lagi di sesi lain, pada masa itu kita boleh tahu apakah akibat tindakan ini oleh Kementerian.

Berkaitan dengan 20 jenis barang-barang yang tadi **itu**, seperti saya katakan tadi, jikalau kita menyekat barang-barang ini lebih, ianya mungkin akan menjejaskan sistem ekonomi bebas di negara kita. Itulah satu masalah, oleh itu kita 'try to mediate' kuasa-kuasa ini.

PELAJARAN AL-QURAN

4. Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Perdana Menteri menyatakan mengenai peruntukan \$20 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pelaksanaan pelajaran Al-Quran untuk kanak-kanak:

- (a) apakah perancangan yang telah disusun mengenai pelaksanaan Pelajaran Al-Quran; dan
- (b) sejauh manakah perancangan itu telah dijalankan dan jumlah perbelanjaan yang telah dilibatkan mengikut Negeri-negeri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang yang dimaksudkan itu adalah sebagai bantuan kepada pihak-pihak berkuasa Agama Islam negeri-negeri bagi memperluaskan lagi program pengajian Al-Quran untuk kanak-kanak. Program ini sememangnya telah berjalan di tiap-tiap negeri dinamakan Kelas Al-Quran/Tajwid tetapi tidak meliputi semua kanak-kanak yang sepatutnya mendapat peluang belajar. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan wang. Rancangan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

Pertamanya, pihak berkuasa Agama Islam Negeri-negeri yang bertanggungjawab mengendalikan Kelas Pengajian Al-Quran Kanak-kanak telah siap mengatur kelas-kelas baru yang dicadangkan termasuklah pemilihan guru-guru tambahan. Sebaik sahaja menerima wang bantuan daripada Kerajaan pusat, kelas-kelas ini akan dibuka.

Yang kedua, satu jawatankuasa kerja telah ditubuhkan untuk menyusun Sukatan Pelajaran bagi Kelas Al-Quran dan Fardu Ain ini supaya dapat diseragamkan di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa rancangan ini belum

dilaksanakan. Pembahagian wang bantuan kepada pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri yang berkaitan dijangka akan dapat dibuat dalam bulan Januari 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua,soalan tambahan. Tidakkah Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk menyelaraskan pelaksanaan pelajaran Al-Quran dan terjemahannya kepada Kementerian Pendidikan kerana sepertimana yang kita sedia maklum, matapelajaran Agama memang bermula di sekolah rendah lagi, apa lagi kesannya mungkin lebih bermakna.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal ini adalah mengenai pengajian Quran Tajwid, tetapi yang ditanyakan oleh Yang Berhormat ialah soal terjemahan ataupun tafsiran Al-Quran. Insya Allah, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama dan tugas yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri yang berpusat di Pusat Islam yang mana kita bertujuan untuk menyelaraskan semua program aktiviti dan segala yang berkaitan dengan agama Islam di seluruh negara kita ini untuk melihat satu perkembangan yang sihat di kalangan masyarakat Islam kesemuanya. Memanglah kita menganggapkan bahawa ini merupakan satu masalah kepada masyarakat Islam jika sekiranya ada badan, kumpulan yang mentafsirkan Al-Quran mengikut selera masing-masing yang akan menyebabkan keadaan masyarakat tidak faham dan menimbulkan masalah yang lebih banyak.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan berapakah kadar elaun yang hendak diberi kepada seseorang pengajar Al-Quran bagi setiap bulan dan berapa ramai pelajarkah bagi seseorang guru yang hendak diberi elaun itu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, kadar elaun yang dicadangkan lebih kurang \$200 sebulan bagi seorang guru. Tentang jumlah ramai pelajar itu, ini bergantunglah kepada sesuatu tempat yang dikhaskan. Seperti biasa, kita tidak menetapkan, mungkin kadar 30 atau 40 orang bagi seorang guru yang akan mengajar.

KAMPUNG TRADISI/KAMPUNG BARD - TAKRIF

5. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah takrif pihak "Kerajaan tentang nama yang berikut ini;
 - (1) Kampung Tradisi;
 - (2) Kampung Baru;
 - (3) Kampung "No Man's Land"; dan
- (b) oleh kerana pada hematnya dari segi latar belakang sejarah dan geografi kewujudan sesuatu pertempatan itu adalah sama, maka adakah pihak Kementerian bercadang menggabungkan semua kampung-kampung demi memudahkan pentadbiran dan pengagihan kemudahan kemajuan pembangunan negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, takrif "Kampung Tradisional" ialah kampung-kampung lama yang dihuni oleh penduduk-penduduk yang melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti nelayan ataupun kaum-kaum petani yang bertanam sayur atau lain-lain tanaman kontan secara kecil-kecilan atau pekebun-pekebun kecil getah.

Manakala Kampung-kampung Baru pula ialah kampung-kampung yang diwujudkan oleh penjajah British. Kampung-kampung ini diwujudkan di antara tahun 1948 hingga ke 1960 manakala negara ini diisytiharkan darurat oleh penjajah British, dengan perpindahan orang ramai kepada satu tempat dengan alasan untuk menjaga keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua dengan izin, 'No Man's Land' sepanjang pengetahuan saya tidak wujud di negara kita, yang ada hanyalah di Korea Utara dan di Korea Selatan dan sekarang ini sedang dalam proses kepupusan yang sedang berlaku di Jerman Barat dan Jerman Timur.

Memang menjadi matlamat pihak pemerintah, pihak Kerajaan bahawasanya semua kampung-kampung ini hendak diintegrasikan supaya memudahkan pihak Kerajaan untuk melaksanakan pembangunan bagi kepentingan seluruh rakyat jelata. Sekarang ini juga usaha-usaha sedang ditujukan kepada matlamat itu, bahkan di mana-mana kampung sama ada kampung tradisional atau kampung baru yang berpotensi, kita mengusahkan supaya menjadikan sesuatu tempat kecambah ekonomi, sama ada dijadikannya sebagai kawasan industri ataupun 'cottage industry' ataupun dijadikan ia sebagai bandar-bandar kecil.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi matlamat Kerajaan, insya Allah, dalam jangka waktu supaya semua kampung-kampung di dalam negara ini hanya dikenali dengan nama kampung sahaja.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan untuk memperluaskan kampung-kampung baru dengan mengambil tanah-tanah berdekatan kampung baru supaya kampung-kampung baru ini mencerminkan komposisi semua kaum?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan-Yang di-Pertua, saya ulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak pernah berniat untuk melakukan diskriminasi di antara sesuatu rakyat, sama ada kampung baru atau sebarang kampung. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, semua kampung diharapkan satu ketika akan menjadi dikenali dengan nama 'kampung' sahaja, tidak akan timbul lagi kampung baru atau kampung tradisional ataupun kampung yang lebih baru. Namun demikian, menjadi matlamat Kerajaan untuk memberi kemudahan asas, terutama tempat duduk kepada semua rakyat di dalam negara ini sama ada yang duduk di kampung baru atau yang duduk di kampung tradisional, termasuk juga yang berada di estet-estet.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan diskriminasi. Saya cuma ingin tahu mengenai kampung-kampung baru yang ada sekarang ini sudahpun kecil. Adakah cadangan untuk memperluaskan kampung-kampung baru dengan mengambilalih tanah-tanah berdekatan dengan kampung-kampung baru supaya ianya akan mencerminkan semua kaum dan akan mencerminkan komposisi kaum untuk mengintegrasikan, untuk menyatupadukan. Adakah cadangan begitu?

Datuk Saji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan dalam jawapan saya pada awal tadi, matlamat Kerajaan untuk mengintegrasikan semua kampung-kampung termasuk kampung-kampung baru sehingga bermatlamat kepada satu masa semua kampung-kampung dikenali dengan nama kampung sahaja. Maka tak timbullah soal kampung baru yang akan dipersoalkan lagi. Sama ada hendak diperluaskan atau diperkecilkan kampung-kampung baru bertentangan dengan dasar Kerajaan iaitu untuk mengintegrasikan seluruh kampung supaya disetarafkan dengan nama kampung sahaja agar tidak lagi satu ketika akan berbangkit penduduk kampung baru, penduduk kampung tradisional, penduduk bandar dan petiduduk luar bandar.

"TWINNING PROGRAMME" INSTITUSI SWASTA

6. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Institusi-institusi swasta yang mempunyai rancangan "twinning programme" dengan Universiti-universiti Luar Negeri di Malaysia; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengawal institusi-institusi ini dan apakah dasar Kerajaan tentang "twinning prograrame" ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang terdapat di Kementerian Pendidikan terdapat 7 buah institusi pendidikan swasta tempatan yang

menjalankan program-program berkembar dengan kerjasama universiti-universiti luar negeri. Institusi-institusi tersebut adalah Taylor's College, Kolej Damansara Utama, Institut HELP, College Disted, College Mahkota, College Sunway dan College Arief.

Kementerian Pendidikan telah membenarkan pengendalian program berkembar ini atas sebab-sebab seperti berikut:-

- (i) ianya memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mendapat pendidikan di peringkat ijazah, tetapi tidak mendapat tempat di universiti-universiti tempatan kita;
- (ii) pelajar-pelajar tidak perlu keluar negeri pada peringkat awal pengajian. Jadi, ini bukan sahaja akan menjimatkan perbelanjaan mereka tetapi juga mengurangkan aliran wang ke luar negara serta pertukaran wang asing;
- (iii) pelajar-pelajar dapat tinggal lebih lama lagi dalam negeri sebelum melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri. Jadi dengan tni kita harap ia dapat mengurangkan kejutan budaya yang mungkin mereka alami jika terlampau awal terdedah kepada sesuatu persekitaran asing yang baru.

Bagaimanapun, pengendalian program-program seperti ini dikawal oleh Kementerian Pendidikan melalui peruntukan undang-undang serta dasar-dasar yang kita telah tetapkan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan mengenai syarat-syarat yang dikenakan ataupun

yang ditentukan oleh pihak Kementerian sebelum sesebuah institusi pengajian tempatan dibenarkan atau dilulus mengadakan program berkembar ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Soalan Yang Berhormat itu, satu asas yang penting yang mana kita memberi garis panduan supaya institusi-institusi luar negeri ini serta institusi-institusi tempatan kita mengadakan program berkembar ini adalah kepentingan patut diberi. Kepentingan ini harus diberi atas usaha kita bahawa pendidikan dalam negara kita ini adalah juga berasas untuk memperkembang dan memajukan negara kita berasas kepada dasar-dasar pendidikan kita dan juga tujuan-tujuan kita dalam memberi pendidikan kepada rakyat kita. Keduanya, perkara-perkara yang boleh kita katakan misalnya satu daripada perkara yang pernah kita timbulkan ialah bahawa dalam institusi tempatan ini satu usaha program adalah diperlukan untuk kita mengembangkan lagi tenaga kerja dan juga tenaga dalam negara kita dan program-program yang sepatutnya juga diwujudkan untuk menambahkan kekurangan dalam kita memberi kemudahan-kemudahan kepada pendidikan tinggi.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, adakah institusi-institusi swasta yang mempunyai rancangan, dengan izin, training programme dengan universiti-universiti tempatan? Jika tidak ada, apakah sebabnya-sebabnya?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini saya boleh jelaskan bahawa kita di sini memang mengadakan program berkembar dengan universiti luar negeri, kerana pertamanya ada kebanyakan pelajar-pelajar kita yang ingin belajar di universiti-universiti luar negeri dan keduanya perkara ini timbul seperti yang saya katakan tadi untuk mengurangkan perbelanjaan, kerana perbelanjaan untuk pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di negara seperti Syria, United Kingdom dan lain-lain yang pernah ditumpukan oleh pelajar-pelajar kita telah meningkat. Ini adalah satu usaha supaya mereka dapat mengurangkan perbelanjaan serta juga supaya mereka tidak kehilangan peluang untuk belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu sahaja lagi. Sila Yang Berhormat Puan Habidah.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, setakat ini berapa banyakkah Kerajaan telah memberi kebenaran kepada universiti-universiti di luar negeri untuk mengadakan program berkembar ini di Malaysia, dan apakah sijil-sijil ataupun ijazah-ijazah daripada program ini diakui ataupun diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, tidak kurang daripada 10 buah universiti telah mengadakan program ini menerusi maktab-maktab atau institusi swasta yang saya sebutkan tadi seperti universiti-universiti dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan juga lain-lain tempat yang kebanyakannya mengadakan kursus dalam bidang perniagaan atau business administration atau organisation, pengurusan undang-undang, accounting dan juga dalam industri perhotelan serta catering. Ini adalah sebahagian dari maklumat yang kita dapati mengenai kursus-kursus yang diadakan di institusi ini.

Mengenai sama ada ijazah-ijazah atau diploma-diploma ini diiktirafkan oleh Kerajaan, perkara itu tidak berbangkit di sini kerana kita pernah mengatakan bahawa bila kita memberi taraf kepada satu-satu ijazah atau qualification, dengan izin, ianya adalah untuk kita memasuki dalam perkhidmatan pentadbiran atau Perkhidmatan Awam negara kita.

PEHYELIA BAHASA CINA - LANTIKAN

7. **Tuan.Ng Peng Hay** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan akan melantik penyelia-penyelia bahasa Cina di peringkat Negeri dan Daerah dan, jika tidak, apa sebabnya.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelia-penyelia bahasa Cina memang ada di peringkat Negeri dah juga di peringkat Kementerian Pendidikan. Malahan di peringkat Kementerian Pendidikan di beberapa bahagian tertentu diwujudkan jawatan Penyelia Bahasa Cina bagi membantu menyelia perjalanan sekolah Cina dan pengajaran Bahasa Cina di peringkat sekolah rendah dan menengah. Lagi pun di peringkat daerah, sememangnya tidak wujud jawatan-jawatan seperti itu khususnya untuk menyelia satu-satu bahasa tertentu, termasuklah seperti

Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris mahupun bahasa Cina dan bahasa Tamil. Jadi, walau bagaimanapun, terdapatlah juga pegawai-pegawai di peringkat daerah, khususnya di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah yang boleh membantu untuk menyelia pengajian matapelajaran bahasa-bahasa tersebut. Oleh yang demikian adalah difikirkan kita tidak perlu mewujudkan jawatan Penyelia Bahasa Cina di peringkat daerah kerana memandangkan di setiap Jabatan Pendidikan Negeri kita dan juga di peringkat Kementerian telahpun wujud jawatan tersebut.

PENGANGGURAN - LANGKAH MENGATASI MASALAH

8. Tuan V.K. Sellapan minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangguran yang dihadapi oleh para belia. Adakah Kerajaan akan mengumumkan keperluan tenaga pekerja untuk negara bagi tempoh lima atau sepuluh tahun akan datang untuk memudahkan anak-anak supaya memilih kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara yang pesat akan menambah peluang-peluang pekerjaan baru dan mengurangkan pengangguran khususnya di kalangan belia. Kerajaan terus mengambil langkah-langkah yang akan memperkukuhkan ekonomi bagi meningkatkan permintaan buruh. Di antara langkah-langkah bagi menggalakkan pertumbuhan pelaburan dan penglibatan sektor swasta iaitu dalam ekonomi yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) membuat beberapa kelonggaran dan pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan;
- (ii) mengubahsuaikan dasar percukaian;
- (iii) mengukuhkan pasaran modal;
- (iv) menubuhkan pusat penyelarasan pelaburan di MIDA dan di agensi-agensi pada peringkat negeri bagi mempercepatkan pemerosesan pelaburan dan kemudahan-kemudahan insentif.

Di samping itu, beberapa langkah jangka pendek yang lebih kursus untuk mengatasi masalah pengangguran juga dilaksanakan oleh Kerajaan iaitu yang pertamanya kelonggaran syarat kepada penaja kecil, dan keduatiya melaksanakan projek-projek kejuruteraan besar seperti pembinaan jalanraya lingkaran tengah. Usaha-usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan bagi mengukuhkan ekonomi negara dan menjamin lebih banyak peluang-peluang pekerjaan baru diwujudkan. Pengangguran di kalangan belia ini juga akan dapat dikurangkan jika para belia yang menganggur dengan mengubah sikap memilih pekerjaan kolar putih kepada kolar biru.

Kerajaan juga telah dan sedang mengubahsuai kurikulum pendidikan dan latihan serta struktur pengambilan -pelajar-pelajar di institusi pendidikan dan latihan seperti Pust-pusat Belia Dusun Tua dan Pertak bagi tujuan menyesuaikan tenaga manusia dengan keperluan pasaran buruh. Beberapa bengkel teknologi desa telah ditubuhkan untuk membekalkan kemahiran yang sesuai atau, dengan izin, appropriate technologies agar belia-belia khususnya daripada luar bandar dapat menggunakan kemahiran ini untuk memperolehi pendapatan. Struktur program pendidikan dan latihan telah diubahsuaikan dengan penekanan yang lebih kepada latihan praktikal, kemahiran berkomunikasi, pengiraan, perhitungan dan keusahawanan bagi meningkatkan keupayaan mudahsuai tenaga manusia dengan perubahan struktur ekonomi.

Seterusnya, untuk membolehkan belia-belia menyertai bidang perniagaan, Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Projek-projek di bawah Tabung ini termasuklah Projek Belia Berniaga, Projek Belia Peladang dan Rancangan Peniaga Kecil. Melalui projek ini adalah diharapkan belia-belia akan lagi berdikari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bercadang mengumumkan keperluan tenaga manusia bekerja pada masa hadapan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedar dan bersetuju bahawa masalah, yang dihadapi oleh pemuda-pemudi pada masa sekarang iaitu soal pengangguran, adalah kerana mereka sangat memilih sesuatu jawatan. Dalam usaha Kerajaan menarik pelaburan dari negara asing, adakah ianya mendapatkan sambutan yang begitu baik? Kami mendapat maklum balas iaitu di setengah-setengah negeri, kilang-kilang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerja dalam kategori operator dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menggalakkan lebih ramai lagi pemuda-pemudi untuk bekerja di kilang supaya mereka tidak sangat memilih jawatan-jawatan dalam kilang?

Dato' Dr. Siti Zaharah bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan tadi bahawa perkara yang bersabit dengan pengubahsuaian sikap ini adalah di antara masalah-masalah yang menyebabkan belia-belia terlalu memilih kerja dan seperti yang kita maklum bahawa ada di antara pekerjaan-pekerjaan yang terdapat di bawah kategori atau peringkat bawah, di bawah daripada pertengahan, bukan setakat di peringkat kerja kilang tetapi di peringkat perladangan, umpamanya, adalah lebih daripada 10,000 pekerjaan yang wujud, tetapi terpaksa Kerajaan melonggarkan syarat-syarat untuk mendapatkan pekerja-pekerja daripada luar memandangkan bahawa tidak ada inisiatif, keinginan atau minat dari kalangan belia-belia tempatan kita.

Namun demikian dari segi peringkat perkilangan, walaupun terdapat pemilihan tetapi tidaklah begitu ketara seperti di peringkat perladangan dan Kerajaan sentiasa menyediakan kursus-kursus kesedaran dan juga kursus-kursus mempelbagaikan kemahiran di peringkat-peringkat seperti yang diterangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Tuan Tan Chai Bo: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

PROGRAM PERANCANGAN GUNATENAGA - PENDIDIKAN TINGGI

9. Tuan Tan Chai Bo (di bawah S.0.23. (2) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian mendapati perancangan dan program gunatenaga - sekarang menepati keperluan strategi industrialisasi dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi;
- (b) sejauh manakah pendidikan tinggi (tertiary) telah dikemaskinikan selepas menyedari bahawa lulusan institusi-institusi pengajian tinggi, terutamanya Bumiputera tidak berupaya untuk berdikari dan bersikap 'dependent' bagi menghadapi cabaran kemajuan yang pesat; dan
- (c) sejauh manakah latihan dan pembangunan pengurusan (training and management development) diusahakan secara bersepadu dan bersungguh-sungguh bagi menghadapi situasi ekonomi kini dan di hari muka.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua ; untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sentiasa diselaraskan dengan keperluan dan dasar-dasar negara seperti Dasar Perindustrian Negara, Dasar Sains Negara, Dasar Pertanian Negara dan lain-lain.

Pembangunan tenaga manusia merupakan salah satu aspek penting

yang telah dikaji oleh Kementerian Pendidikan melalui Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, 1974/1979. Jawatankuasa ini telahpun membuat beberapa perakuan tentang keperluan tenaga manusia dan pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan dalam kurikulum rendah dan menengah kini antara lain ialah bertujuan untuk kita memenuhi keperluan gunatenaga selaras dengan perkembangan industri dan ekonomi negara.

Satu matapelajaran utama iaitu yang diteraskan yang dikenali sebagai "kemahiran hidup" telah dilaksanakan di Tingkatan 1 mulai tahun 1989 ini. Matapelajaran ini akan diajarkan sehingga ke Tingkatan **III**. Matlamatnya ialah untuk kita melahirkan pelajar yang kenal faham dengan teknologi dan ekonomi serta memiliki budaya kerja yang positif dan produktif. Jadi, di peringkat menengah atas, konsep matapelajaran ini akan diteruskan sebagai "kemahiran hidup" akan dipertingkatkan melalui pendidikan teknik dan vokasional. Jadi, pengurusan mengikut bidang teknik dan vokasional adalah berdasarkan kepada kebolehan, bakat dan minat para pelajar itu. Adalah diharapkan dalam peringkat ini para pelajar sudah mampu untuk berdikari dan berupaya untuk bekerja sendiri dengan berbekal kemahiran kreativiti dan inovasi yang dipupuk ketika di sekolah ini.

Untuk menjawab soalan kedua, pihak Kementerian Pendidikan telahpun, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah bagi mengemaskinikan lagi sistem pendidikan tinggi di negara kita untuk membolehkan pelajar-pelajar lepasan institusi pengajian tinggi mendapat pekerjaan membuka perusahaan atau perniagaan sendiri. Jadi, antara langkah-langkah ini adalah seperti pihak institusi pengajian tinggi kita diminta menyemak semula kursus-kursus atau bidang-bidang pengajian yang ditawarkan dan juga menerapkan

unsur-unsur keusahawanan dalam kurikulum kursus dan juga kegiatan ko-kurikulum bagi kita membentuk sikap berdikari di kalangan pelajar-pelajar kita dan dengan itu diharap mengurangkan pergantungan mereka itu kepada Kerajaan dalam mendapatkan pekerjaan.

Untuk menjawab soalan terakhir **itu**, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Aminuddin Baki (IAB)" di bawah Kementerian Pelajaran telah ditubuhkan selaras dengan Laporan Kabinet 1979. Salah satu daripada perakuan tersebut menegaskan bahawa ditekankan bahawa pegawai-pegawai ikhtisas dan kakitangan di Kementerian Pendidikan dilatih untuk menghasilkan output yang lebih bermutu. Jadi, oleh itu program-program latihan kita di IAB telah dirancang dan dilaksanakan berasaskan kepada keperluan Kementerian Pendidikan serta perakuan laporan tersebut. Jadi, program latihan yang dilaksanakan di Institut itu adalah untuk mencapai matlamat untuk berusaha meningkat dan juga mengembangkan keahlian pengurusan para pegawai Perkhidmatan Pendidikan kita. Jadi semua program latihan itu juga memberikan tumpuan kepada aspek Ikhtisas dan juga pengurusan pendidikan dan aspek pembangunan dari segi insan secara bersepadu dalam semua peringkat latihan berasaskan kepada falsafah dan dasar pendidikan negara kita. Jadi, ini seterusnya bertujuan untuk kita melahirkan satu budaya pengurusan pendidikan yang membolehkan penghayatan peradaban ilmu dan nilai-nilai yang murni untuk kita ke arah meningkatkan lagi perindustrian dalam menghadapi situasi ekonomi dan cabaran pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Soalan No. 10 hingga 32 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedoa dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang", (14hb Disember, 1989).

Tuan Yang di-Pertua: Adakah lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

4.05 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bercakap tentang Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dan saya menyokong agar undang-undang ini diluluskan di dalam sidang kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem metrik yang dimulakan pada awal tahun 1972 dan dilaksanakan pada tahun 1981, nampaknya mendapat hasil yang baik di mana semua rakyat pada hari ini sudah pandai menggunakan dengan sepenuhnya sistem metrik ini, Sungguhpun begitu, ada juga orang-orang kampung yang masih belum memahami dengan sepenuhnya dan dengan itu saya harap supaya tanda-tanda yang menunjukkan pertukaran sistem metrik ini dipamerkan di kedai-kedai. Pada mula-mula tanya dilancarkan pada tahun 1981 dan digunakan sepenuhnya pada tahun 1984, pameran cara penukaran ini ditunjukkan dengan sepenuhnya, tetapi pada hari ini semuanya itu sudah hilang.

Saya berharap bahawa Kerajaan akan dapat memerintahkan semua kedai-kedai yang berkenaan supaya dapat menunjukkan kembali pertukaran sistem ini. Jika diperhatikan daripada segi tindakan yang diambil oleh Kerajaan, kita terkejut mendengar bahawa sehingga bulan November, 1989 sebanyak 3,203 kes telah didakwa disebabkan salahguna timbang dan sukat. Jika itu dipandang daripada segi satu kawasan sahaja mungkin nampak lebih besar, tetapi dipandang daripada segi sebuah negara **pun**, saya fikir jumlah itu amat besar.

Sungguhpun ada sahabat-sahabat saya semalam telah meminta supaya Kerajaan bertindak tegas terhadap pekedai-pekedai yang tidak menjaga sukatan ini dengan sepenuhnya, betul dan teratur, tetapi saya ingin meminta supaya Kerajaan bertimbang rasa kepada pekedai-pekedai **ini**. Kadangkala alat-alat itu tidak digunakan dengan sebegitu baik, bukan disebabkan oleh kecuaiannya mereka tetapi adalah disebabkan alat-alat timbang dan sukat ini adalah alat-alat yang sensitif. Kadang-kadang jika silap sedikit penggunaannya, maka tidaklah betul sukatan seperti yang dikehendaki. Oleh itu, saya berharap supaya Kerajaan bertimbang rasa kepada kedua-dua pihak. Perlu supaya timbang rasa itu terhadap orang ramai, tetapi Kerajaan juga mesti memikirkan terhadap pekedai-pekedan dan juga firma-firma yang raenggunakan alat-alat **ini**,

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 7, seksyen baru 14B ada disebutkan bahawa Ketua Inspektor akan melantik orang-orang yang tertentu yang berpengetahuan untuk menjalankan pelaksanaan tugasnya untuk menjaga alat-alat timbang **ini**. Saya ingin bertanya siapakah yang akan dilantik oleh Kerajaan? Adakah mereka yang mahir dalam bidang ini seperti juga apabila LLN melantik Electrical Inspector dan sebagainya. Adakah mereka ini sama kelulusannya dan kalau perlu

adakah pegawai-pegawai seumpama ini akan dilesenkan ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang mahir daripada segi alat timbang dan sukat ini amatlah kurang di negara ini sehinggakan syarikat yang menjual alat-alat timbang dan sukat ini cuma ada satu sahaja yang termasyhur agaknya iaitu. Everest Malaysia Berhad. Adakah oleh kerana sebuah syarikat ini sahaja yang menjalankan perniagaan dengan sepenuhnya? Adakah ini kerana kurang minat rakyat di negara kita ataupun peluang tidak diberikan oleh Kerajaan. terhadap mereka untuk membuka perniagaan, untuk menjadi agen dan sebagainya bagi menjual alat-alat timbang dan sukat **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal yang sama juga seksyen-kecil (10) menyebutkan bahawa dalam masa 6 bulan jika seseorang itu dengan sengajanya merosakkan mesinnya dan lain-lain selepas itu beliau bolehlah dilepaskan daripada pendakwaan. Tetapi dalam masa 6 bulan itu rekodnya mesti diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa kita memberi peluang, kepada, pekedai-pekedai yang berkenaan untuk merosakkan atau memusnahkan mesia-mesin mereka. Saya fikir tidak perlulah disebut masa bagi menentukan supaya alat-alat itu berjalan dengan sempurna dan baik.

Masalah alat timbang dan sukat ini yang disita (sieze), cara pengendaliannya saya agak mestilah dibuat dengan cara yang betul supaya ianya tidak disalahgunakan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Adalah diperhatikan kadangkala apabila pegawai-pegawai ini menjalankan sita (sieze) alat-alat timbang dan sukat ini mereka tidak ada memberi peluang kepada orang atau pekedai yang berkenaan untuk memberitahu keadaan yang sebenarnya bahawa alatnya baru dibeli dan tidak pun digunakan secara kasar dan sebagainya. Tetapi adalah silapnya sedikit sebanyak, peluang harus diberi kepada orang yang ditahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 13 seksyen-kecil (3) memberitahu bahawa apabila satu alat timbang itu disitakan maka di dalam masa tempoh satu bulan beliau mestilah meminta supaya kesnya itu dibicarakan ataupun sebaliknya.

Tentang perkara ini tidak terang. Ada juga difahamkan bahawa beliau boleh didakwa di dalam masa **itu**. Maka saya ingin bertanya kepada Kerajaan, adakah di dalam masa sebulan itu dia patut berdiam diri menunggu perintah daripada Kerajaan bahawa beliau akan didakwa ataupun serta merta memberitahu kepada Kerajaan bahawa saya minta supaya kes ini dikompaunkan. Kalau dalam masa selepas sebulan beliau berdiam **diri**, ada kemungkinan alat timbang ini akan dirampas oleh Kerajaan atau sebaliknya beliau akan terus dikompaunkan. Di mana dia masa sebulan ini. Adakah di masa menunggu pendakwaan daripada pihak berkuasa ataupun terus meminta supaya dikompaunkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kompaun ini pun adalah satu perkara yang harus diselaraskan oleh Kerajaan. Kemungkinan besar bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini tidak terlibat tentang masalah ini tetapi saya pohon supaya Kerajaan dapat menyelaraskan masalah-masalah kompaun **ini**. Jika di peringkat traffic police umpamanya kebanyakan kompaun ini adalah rendah, lebih kurang di antara 20% dengan 30% daripada denda yang sepatut dan biasanya dikenakan oleh mahkamah. Tetapi ada Jabatan-jabatan lain misalnya Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Perbandaran yang mengenakan kompaun ini sehingga 30% daripada denda yang sepatutnya jika dihukunkan oleh mahkamah. Dan demikian juga saya harap dengan kompaun yang akan dikenakan oleh Jabatan Timbang dan Sukat ini kepada orang-orang yang mesinnya **disita itu**, ada persamaan di antara jabatan-jabatan Kerajaan. Jika ianya di antara 20% - 30% sepatutnya semua jabatan dalam negara ini mengkompaunkan orang ramai dengan kiraan seumpama **itu**.

Pada masa ini ianya bergantung kepada budi bicara pegawai berkenaan dan budi bicara pegawai yang berkenaan ini ada mood dia. Jika mood pegawai itu baik pada hari itu, nasib kita baik tidaklah kena kompaun yang tinggi, tetapi kadangkala moodnya tidak baik, kenalah kita kompaun yang sehabis tinggi sekali sehinggakan tidak mampu untuk membayarnya. Seperti yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan ini tidak terlibat dengan Bill dihadapan kita ini, tetapi melalui ini kita harap Kerajaan akan dapat menyampaikan suara saya ini kepada semua jabatan-jabatan, semua agensi-agensi Kerajaan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah binti Yusof.

4.17 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha, Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, timbang dan sukat adalah dua perkara penting di dalam kehidupan insan. Kerana ianya adalah penentu kepada sukatan barangan untuk keperluan pengguna dan penjual secara harian. Oleh itu timbang dan sukat perlu diselidik dan dikaji selalu, oleh pegawai-pegawai di dalam bahagian ini dan amatlah sesuai Rang undang-undang Timbang dan Sukat 1972 ini dipinda dengan dinama-

kan Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang Akta dengan memotong perkataan-perkataan "digunakan untuk perdagangan" dengan tujuan untuk memperluaskan skop Akta kepada Timbang dan Sukat dan alat-alat timbang dan sukat yang tidak digunakan untuk perdagangan.

Saya juga sependapat dengan rakan-rakan yang lain iaitu pegawai-pegawai di dalam bahagian ini ataupun Inspektor Timbang dan Sukat hendaklah diberi latihan yang secukupnya, diperbaiki dan diberi tugas kepada mereka yang mempunyai sifat amanah, jujur dan ikhlas untuk memeriksa alat-alat timbang dan sukat di seluruh kedai-kedai termasuk kedai-kedai di kampung-kampung pendalaman, kerana kadang-kadang peniaga di kampung-kampung tidak ambil kisah dengan alatan mereka. Begitu juga dengan pengguna tidak ambil hal sama ada ianya telah lapuk atau tidak terpakai lagi dan setengah-setengahnya pula alat-alat itu tidak berfungsi lagi buat masa kini .

Namun ianya masih digunakan oleh pekedai-pekedai ataupun penjual-penjual di kampung-kampung dan rakyat selaku pengguna atau pembeli menerima dengan hati yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Penguatkuasa atau Inspektor Timbang dan Sukat ini juga disyorkan supaya diberikuasa kepada mereka untuk menyaman secara kompaun sebagaimana Yang Berhormat tadi ada mengatakan dan mendenda kepada peniaga-peniaga yang bersalah ketika itu juga, kemudian dirampas alat-alat perkakas dan sebagainya. Dan dicadangkan juga supaya pegawai-pegawai berkenaan itu mengesyorkan kepada penjual atau peniaga itu untuk membeli alat-alat timbang dan sukat yang telah disahkan oleh pihak Penguatkuasa Timbang dan Sukat serta memberi resit pembelian dan dengan ini pada pandangan saya barulah tidak timbul penyelewengan dalam jual-beli dan bagi pengguna-pengguna akan merasa lega.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (a) fasal 6 bertujuan memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 14 Akta. Subseksyen baru ini bertujuan menghendaki mana-mana orang yang berkehendakkan apa-apa timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat ditentukan ditanda dengan cap atau disahkan supaya mengemukakannya kepada Inspektor Timbang dan Sukat yang akan mengujinya dengan apa-apa Piawai Kerja dan kelengkapan pengujian yang difikirkannya sesuai. Begitu juga subseksyen baru (4B) bertujuan membolehkan Ketua Inspektor, selepas mengambil beberapa perkara tertentu dalam pertimbangan, menentukan waktu dan tempat bagi pengujian penentuan dan penandaan dengan cap atau pengesahan apa-apa alat timbang atau sukat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya pindaan Rang Undang-undang Timbang dan Sukat 1972 ini juga, saya ingin mengesyorkan di Dewan yang mulia ini iaitu Pegawai-pegawai Penguatkuasa ataupun Inspektor Timbang dan Sukat hendaklah menetapkan jadual lawatan mereka ke setiap kedai dengan tempoh masa yang sesuai, janganlah sampai bertahun-tahun barulah sekali hendak pergi melawat dan patut juga. sekali sekala dibuat dengan cara mengejut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedai-kedai baru pula, hendaklah dibuat bancian untuk menentukan alat-alat yang digunakan untuk timbang dan sukat itu betul dan sesuai digunakan. Begitu juga iklan atau pemberitahuan berhubung dengan alat timbang dan sukat yang berada di setiap kedai iaitu dengan mengatakan bahawa alat timbang dan sukat yang ada di kedai tersebut adalah betul dan sah hendaklah dilekatkan di dinding kedai tersebut supaya senang dilihat, dibaca oleh pengguna yang mana alat-alat itu telah diperiksa oleh Penguatkuasa Timbang dan Sukat dari tarikh sekian ke tarikh sekian.

Dengan adanya pemberitahuan ini, rasanya bolehlah orang ramai ataupun pengguna atau pembeli membuat pengaduan kepada pihak Penguatkuasa Timbang dan Sukat kiranya mereka merasa ragu-ragu tentang timbangan ataupun sukatan di kedai tersebut. Perlu juga disyorkan di sini bahawa Bahagian Penguatkuasa juga hendaklah meletakkan alamat dan nombor telefon di kertas pemberitahuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, disyorkan juga supaya Kerajaan menambah Pegawai-pegawai Penguatkuasaan atau Inspektor Timbang dan Sukat ini

bagi melicinkan kerja-kereja tersebut. Oleh kerana kita semua sedia maklum, masih ramai para belia yang berkelulusan yang tidak mendapat pekerjaan dan dengan pengambilan pegawai-pegawai baru ini, bolehlah mengurangkan pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Islam, mengurangkan timbangan atau sukatan di dalam jual-beli adalah haram yang mana mereka yang berbuat demikian yakni yang dipanggil "makan mata daging", dinamakan orang-orang yang melakukan ini adalah makan riba. Allah telah menegaskan dalam AlQuran-ulkarim dengah firmanNya yang bermaksud: "Allah menghalalkan jual-beli tetapi mengharamkan riba". Oleh kerana riba adalah mengambil atau makan lebih, iaitu barang yang ditimbang atau disukat itu tidak sama dengan harga yang ditawarkan dengan cara penipuan, maka orang yang menjadi mangsanya itu adalah teraniaya dengan cara yang tidak disedari. Maka untuk mengawal manusia supaya jangan menganiaya saudara-saudaranya yang lain, sebab itulah Allah menegaskan kepada kita supaya jangan makan riba sama ada dengan cara makan mata daging ataupun mengurangkan sukatan ataupun sebagainya. Juga Allah berfirman dalam surah Al-Mukminun yang bermaksud: "makanlah daripada perkara yang baik dan lakukanlah amalan yang soleh". Tuhan telah memerintah kepada kita setiap insan supaya memakan barang-barang yang baik sebelum membuat amalan-amalan yang soleh. Maksud makan yang baik di sini ialah makanan yang halal yang jauh daripada riba.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dipinda begitu rupa memanglah sesuai dengan kehendak-kehendak bapa-bapa pemimpin kita dan rakyat jelata yang ingin menerapkan nilai-nilai Islam di dalam

pemerintahan negara yang tercinta ini agar dengan terlaksananya Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) ini akan berkurangan penganiayaan dan penyelewengan terhadap mereka yang lemah dan miskin serta daif.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tidak **ada**, saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jawapan. Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.30 ptg.**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

[Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 1989.

Pandangan, teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi, Puan Ainon binti Ariffin, Dato' Azumu Tak dan Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh adalah sangat berguna dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberi kepada Inspektor-inspektor Timbang dan Sukat. Ia juga menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat menyedari bagaimana hal mengenai timbangan dan sukatan meliputi kehidupan harian kita.

Ahli Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi telah mengemukakan beberapa perkara yang mana bolehlah disimpulkan kepada lima iaitu:-

- (1) sama ada Kementerian cukup pegawai bagi menguatkuasakan Akta ini;
- (2) sama ada Kementerian mengambil tahu akan masalah-masalah pihak-pihak yang terlibat;
- (3) sama ada tindakan akan diambil terhadap pegawai yang menyeleweng;
- (4) sama ada pemeriksaan mengejut dibuat di kawasan-kawasan luar bandar; dan
- (5) sejauh manakah undang-undang yang difaham oleh mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pada masa ini Kementerian mempunyai cukup pegawai bagi menguatkuasakan Akta ini. Kementerian sedar bahawa tidak ada

gunanya mengadakan undang-undang yang baik jika tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan. Pegawai-pegawai ini mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam hal-hal timbang dan sukat. Mereka semua telah menjalani berbagai kursus dan latihan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri. Segala penerangan dan tunjuk ajar telah diberi kepada mereka oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian dan juga pakar-pakar dari badan-badan lain seperti SIRIM, badan-badan antarabangsa dan sebagainya. Kursus-kursus ini adalah merupakan kursus-kursus berterusan, dengan izin, on going dalam perkhidmatan demi melengkapkan diri mereka dengan perubahan dan kemajuan teknologi dalam bidang legal metrology, dengan izin. Di dalam menguatkuasakan undang-undang ini, Kementerian sentiasa peka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat seperti para peniaga dan pengguna. Perbincangan dengan Persatuan-persatuan Pengguna, Dewan-dewan Perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan lain sentiasa diadakan bagi mengatasi setiap masalah yang dihadapi. Perbincangan-perbincangan ini dapat menolong Kementerian mengetahui segala masalah yang timbul.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat berkenaan telah membangkitkan persoalan sama ada tindakan akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang menyeleweng. Kementerian sedar bahawa dengan pindaan kepada Akta Timbang dan Sukat **ini**, kuasa tambahan diberi kepada Inspektor-inspektor. Di **sini** Kementerian memberi jaminan bahawa tindakan-tindakan yang tegas akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang menyeleweng atau menyalahgunakan kuasa. Kementerian seterusnya memberi jaminan di dalam menguatkuasakan Akta ini, Kementerian akan berlaku adil dan sesiapa yang melakukan kesalahan akan disiasat dengan rapi dan **teliti** sebelum sesuatu tindakan diambil sejajar

dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Kementerian juga sedar bahawa kejujuran dan keikhlasan pegawai-pegawai adalah paling penting. Dalam hal ini, Kementerian amat menghargai perhatian berat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Isu-isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah sama ada pemeriksaan mengajut dibuat di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan sentiasa dibuat sama ada di kawasan luar bandar atau bandar. Begitu juga pemeriksaan tidak dihadkan kepada gedung-gedung perniagaan yang besar-besar sahaja, semua kawasan dan premis-premis perniagaan yang diperiksa. Walau bagaimanapun, Kementerian mengakui terdapat juga kawasan-kawasan yang kurang dilawati iaitu kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang aduan di sesuatu kawasan atau tempat itu, Kementerian akan membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan sewajarnya.

Perkara akhir yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah sama ada pihak-pihak yang terlibat memahami undang-undang ini. Kementerian sentiasa berusaha dan mengambil tindakan untuk mendidik semua pihak di dalam memahami undang-undang. Kementerian sentiasa mengadakan ceramah-ceramah, dailog-dailog dan seminar-seminar bagi menerangkan dan menjelaskan peruntukan undang-undang ini. Begitu juga penerangan dan penjelasan telah dan akan terus diberi melalui media-massa seperti radio kawasan dan akhbar. Daripada maklum balas yang diterima, seminar dan dailog ini telah mendapat sambutan baik. Sekali lagi Kementerian menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin yang telah mengemukakan beberapa

pandangan dan cadangan yang berguna dan membina. Memang tidak dapat dinafikan hal timbangan dan sukatan melibatkan semua lapisan masyarakat dan Ahli Yang Berhormat telahpun dalam hujahnya menyentuh bagaimana nelayan, petani, suri rumahtangga, pengeksport dan peniaga yang terlibat.

Ahli Yang Berhormat telah memberi beberapa contoh bagi menunjukkan dengan jelas bagaimana pihak-pihak tertentu sentiasa ditipu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perkara ini memang berlaku sama ada di negara kita ataupun di negara-negara lain. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang peka kepada perkara ini dan tindakan sentiasa diambil ke atas peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab ini.

Bagi tahun 1989 sehingga bulan November, tindakan telahpun diambil ke atas 3,203 peniaga kerana melakukan beberapa kesalahan di bawah Akta tersebut. Ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bukanlah begitu mudah untuk menipu nelayan-nelayan, petani-petani ataupun suri rumah kita kerana mereka menyedari hak mereka dan apabila mereka rasa ditipu mereka tahu kepada siapa aduan harus dibuat. Dengan kerjasama merekalah, Kementerian telah berjaya mendakwa kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat juga ingin mengetahui bagaimana maklumat-maklumat penting mengenai timbangan dan sukatan disampaikan kepada orang awam. Untuk makluman, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengadakan ceramah, dailog, syarahan, seminar dan pengumuman dalam media-massa iaitu akhbar-akhbar tempatan dan dalam siaran radio tempatan.

Mengenai perkara sama ada Inspektor Timbang dan Sukat cukup bagi tugas-tugas menguatkuasakan Akta ini, ingin saya memaklumkan bahawa terdapat 402 pegawai di 28 cawangan di seluruh Malaysia.

Dari jumlah ini, pegawai-pegawai wanita adalah 63 orang. Memang ada benarnya, pegawai-pegawai wanita dapat menjalankan kerja-kerja pengesahan alat-alat timbang dan sukat dengan baik setanding dengan pegawai-pegawai lelaki. Di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat Menteri kampingun adalah seorang wanita [**Tepuk**].

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Piawai-piawai Kerja yang dimaksudkan dalam phasa 14(1A) adalah alat-alat tertentu yang berbentuk batu timbang yang digunakan bagi perbandingan dan penentuan ketetapan atau accuracy alat-alat timbang dan sukat. Ini tidak termasuk; kayu penyukat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, kayu penyukat yang dinyatakan itu telahpun diharamkan dan jika Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai penggunaan kayu penyukat, silalah memaklumkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azumu Tak pun memberi cadangan-cadangan yang sangat baik. Yang Berhormat membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Tindakan yang diambil ke atas mana-mana pihak mestilah adil dan bertimbang rasa.
- (ii) Siapakah yang akan diberi peruntukan di bawah Seksyen 14B.
- (iii) Tindakan ke atas alat yang disita.
- (iv) Kadar kompaun mestilah sama rata di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mengambil perhatian perkara-perkara ini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang sedar tindakan yang perlu diambil mestilah setelah siasatan yang rapi dijalankan. Oleh sebab itu, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai akan bertimbang rasa sebelum satu-satu tindakan diambil.

Perkara di bawah Seksyen 14B akan diberi kepada sesiapa yang mengelolakan alat timbang awam sahaja. Sebelum perakuan ini diberi pengetahuan dan kemahiran permohonan itu akan diuji. Tempoh satu bulan di bawah Seksyen 28A adalah bagi sesiapa yang mengesahkan bahawa dia adalah tuan punya yang membuat tuntutan dan bukan masa untuk mengambil tindakan.

Akhirnya, mengkompaunkan sesuatu kesalahan oleh pegawai-pegawai berkuasa tidaklah dibuat dengan sewenang-senang, tetapi ini adalah bergantung kepada jumlah kompaun yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan-kesalahan sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Yang Berhormat Puan Habidah

Yusof pun membangkitkan perkara-perkara yang sangat baik. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ada hubung-kait dengan perkara tersebut serta perkara-perkara yang lain. Bagi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Habidah Yusof, pegawai sentiasa diberi cukup latihan. Sikap jujur dan amanah sentiasa ditanam kepada semua pegawai. Pemeriksaan sentiasa dibuat ke atas kedai-kedai di seluruh negara.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang **ini**. Perkara-perkara dan isu-isu yang tidak dijawab akan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan di sini, kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat ini, Kementerian mengambil perhatian dan tindakan yang sesuai pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.49 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan Akta ini ialah untuk mengadakan proviso utama yang jelas bagi memperkemas perkara-perkara berkaitan dengan tata tertib dan surcaj. Di samping itu, pindaan ini juga mewujudkan proviso-proviso baru bagi menggaris dengan nyata tujuan dan tanggungjawab Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai serta kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang sedia ada telah digubal dan diluluskan pada tahun 1965 - 1966. Sejak 24 tahun yang lalu, pentadbiran dan pengurusan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan berjalan dengan baik dan lancar.

Tumpuan utama yang dititikberatkan ialah memberi khidmat sokongan pemasaran dengan menyediakan program-program maklumat pasaran, meningkatkan pengetahuan atau petani dalam aktiviti-aktiviti pemerosesan dan pemasaran. Dalam usaha memperkukuh dan memantapkan peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, saluran pasaran hasil-hasil pertanian di dalam dan di luar negeri diperluaskan. Usaha-usaha ini telah berjalan dengan berkesan dan telah merintis peluang-peluang baru serta memperteguhkan urusan pemerosesan dan pasaran yang menguntungkan. Langkah-langkah yang diambil mendatangkan hasil yang sangat bererti dan berjaya pula memberi jaminan bahawa pengeluar-pengeluar dan pengusaha-pengusaha hasil pertanian menerima harga yang sesuai dan munasabah sementara di pihak pengguna pula dapat menikmati, bukan sahaja bekalan dan bahan yang bermutu tinggi, juga pada harga di tahap yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses melaksanakan, peranan dan tanggungjawab ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan terpaksa juga memantapkan jentera pentadbirannya. Selain daripada memperkemaskan strategi pemasaran hasil-hasil pertanian, pegawai dan kakitangan yang menyeleweng, rasuah dan salah laku perlu diambil tindakan tatatertib atau surcaj mana yang berkenaan. Selama ini tindakan tatatertib yang diambil terhadap seorang pegawai atau kakitangan Lembaga adalah diselenggarakan mengikut Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab "D" 1980 yang mana sebelumnya dikenali sebagai "Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Perintah Am Bab 'D' 1968 atau lebih awal lagi dikenali sebagai Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai

Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1956, di mana Pekeliling-pekelling berkaitan yang dikeluarkan dari masa kesemasa. Tingkatan surcaj pula diselenggarakan mengikut Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan yang juga dikeluarkan dari masa kesemasa. Perintah Am Bab 'D', Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling tersebut yang terpakai bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Am Persekutuan telah diterima pakai oleh Lembaga menggunakan peruntukan umum Seksyen 12 Akta induk bagi maksud mengambil tindakan disiplin dan mengenakan surcaj terhadap pegawai dan kakitangan Lembaga.

Walau bagaimanapun, proses terima pakai ini tidak dibuat sepenuhnya kerana perlu dibuat pengubahsuaian supaya selaras dengan peranan dan tanggungjawab Lembaga. Memandangkan banyak kesulitan yang di alami semasa menerima pakai Perintah-perintah Am Bab 'D', Arahan-arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling tersebut, sehingga boleh melambatkan proses tindakan tata tertib dan pengenaan surcaj terhadap seseorang pegawai atau kakitangan, maka Lembaga bercadang untuk mengadakan peraturan-peraturan tata tertib dan surcajnya tersendiri. Setelah diteliti Akta induk Lembaga, Kementerian dengan pandangan pihak Peguam Negara mendapati peruntukan-peruntukan yang tersedia ada khususnya takrif 'terms and conditions' yang terdapat dalam Akta induk adalah terlalu tidak nyata bagi maksud tersebut. Sekiranya tidak diadakan peruntukan kuasa yang nyata dalam Akta induk maka dikhuatiri peraturan-peraturan, kelakuan dan tata tertib serta surcaj yang digubal itu boleh menimbulkan keraguan apabila ianya dicabar di mahkamah atas alasan-alasan **ultra-vires**, dengan izin. Dengan mengadakan peruntukan yang nyata maka tidak akan timbul apa-apa keraguan mengenai tindakan yang diambil di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ringkas mengenai bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian (Pindaan) 1989, yang antara lain, adalah bermaksud seperti berikut: "Pertama, memperjelaskan kuasa Lembaga untuk membentuk Jawatankuasa Tatatertib dan menyediakan peraturan-peraturan tatatertibnya sendiri. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian. Persekutuan 1965, iaitu Akta 141 tidak mempunyai peruntukan yang khusus mengenai kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib bagi setiap pegawai dan kakitangan lembaga termasuk Ketua Pengarah sendiri untuk manbolehkan tiadakan disiplin terhadap kakitangan dibuat dengan teratur dan sempurna diambil oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Persekutuan, maka peruntukan mengenai pembentukan Jawatankuasa Tatatertib perlu diadakan dengan nyata dalam Akta yang menubuhkan Lembaga itu sendiri. Peruntukan ini juga menetapkan bidangkuasa kuasa-kuasa dan membolehkan perwakilan kuasa serta rayuan dibuat terhadap apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib tersebut. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 juga tidak memperuntukkan dengan nyata mengenai kuasa kepada Lembaga bagi mengadakan peraturan-peraturan tatatertibnya sendiri. Bagi membolehkan tindakan disiplin yang diambil terhadap kakitangan dibuat dengan teratur dan sempurna, adalah juga difikirkan perlu diadakan peruntukan yang membolehkan Lembaga menggubal peraturan yang terperinci mengenai tatatertib. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian (Pindaan) 1989 ini mencadangkan peraturan-peraturan yang akan digubal itu boleh menetapkan jenis-jenis kesalahan, hukuman-hukuman dan prosedur yang perlu diikuti termasuk mengadakan peruntukan yang memberi peluang kepada kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib untuk membuat pembalasan ke atas pertuduhan yang dikemukakan kepadanya.

Kedua, memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan surcaj. Dalam Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 ini, kuasa diperuntukkan kepada Lembaga untuk mengenakan surcaj ke atas mana-mana pegawai atau kakitangan Lembaga yang lalu atau yang sekarang yang bertanggungjawab menyebabkan kegagalan mengutip wang membuat apa-apa bayaran tidak patut menyebabkan kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya dan kelambatan dalam membuat bayaran. Peruntukan ini juga mencadangkan kakitangan yang terlibat diberi peluang mengemukakan alasan-alasannya sebelum tindakan surcaj diambil ke atasnya di samping menetapkan kadar-kadar bayaran balik yang dikenakan.

Ketiga, Jadual Pertama yang baru Seksyen 2(2) untuk memperkemas kuasa penubuhan mana-mana Jawatankuasa dan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 ini mencadangkan Jadual Pertama yang baru memansuhkan Jadual Pertama Akta Induk.

Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama baru ini digubal dengan mengekalkan beberapa peruntukan asal dan sebahagian lagi diubahsuai selaras dengan keperluan semasa di samping memasukkan peruntukan-peruntukan baru manakala sebahagian lagi peruntukan dalam Jadual asal telah dijadikan proviso utama kepada Akta induk. Jadual baru ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga menubuhkan apa-apa jua jawatankuasa bagi membantu Lembaga melaksanakan fungsi-fungsi dan juga untuk memastikan bahawa minit-minit mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa berkenaan dapat diguna sebagai suatu keterangan yang sah dalam apa-apa prosiding mahkamah. Dalam Jadual baru ini mana-mana ahli yang gagal menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa persetujuan bertulis Yang Berhormat Menteri sama ada ia masih memegang jawatan tersebut atau tidak akan dianggap telah mengosongkan keanggotaannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Ini berbeza dengan amalan sekarang di mana keanggotaan mereka hanya boleh dilucutkan oleh pihak yang berkuasa melantik terlebih dahulu.

Keempat, memperkemaskan tugas-tugas Ketua Pengarah, kedudukan kakitangan sebagai pekerja Lembaga dan kuasa kepada pegawai penguatkuasa untuk menguatkuasakan Undang-undang Kecil iaitu Subsidiary Legislation, dengan izin. Dalam Akta Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan 1965 tiada peruntukan yang khusus mengenai tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah dan kedudukan kakitangannya dari segi undang-undang, tidak seperti laia-lain Akta Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian. Peruntukan baru ini menentukan secara khusus tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah seperti melaksanakan pentadbiran harian Lembaga, menyediakan program, skim-skim dan projek-projek untuk persetujuan Lembaga Pengarah dan seterusnya melaksana dan mengawalinya.

Peraturan-peraturan berhubung dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti kemudahan pinjaman, pembentukan Tabung Kumpulanwang Simpanan, kemudahan pencen, pemberian elaun dan ganjaran kepada kakitangan boleh digubal setelah peruntukan yang nyata diadakan dalam Akta induk. Peruntukan baru ini juga akan membolehkan pegawai-pegawai penguatkuasa menguatkuasakan sebarang Undang-undang Kacil iaitu Subsidiary Legislation, dengan izin, yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989 akan dapat memantap dan melicinkan lagi tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Lembaga khususnya mengenai tindakan tatatertib dan mengenakan surcaj terhadap semua pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk Ketua Pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang nyata mengenai kuasa untuk menubuh Jawatankuasa Tatatertib, menggubal

peraturan-peraturan tata tertib dan pengenaan surcaj diatas akan juga digubal untuk Akta Bank Pertanian Malaysia 1969, Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU 1972, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA 1972 dan Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 melalui Rang Undang-undang (Pindaan) masing-masing yang akan dibentangkan dalam mesyuarat ini.

Dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

USUL

Aturan Urusan Mesyuarat

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) iaitu Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) diletakkan di bawah sekali dari Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa masalah di hadapan Majlis ialah Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 13(2) hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) iaitu Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) diletakkan di bawah sekali dari Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)**

Timbalan Yang di-Pertua: Perbahasan di atas Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dimulakan sekarang. Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

5.06 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahaskan secara ringkas serta menyokong di atas Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini bila dilaksanakan ialah untuk mengemaskinkan sistem pentadbiran FAMA dengan matlamat asalnya iaitu untuk memasarkan bahan atau pengeluaran pertanian negara yang berkualiti dengan berkesan dan beruntung ke pasaran dalam negeri dan luar negeri dan seterusnya untuk menolong petani-petani tempatan, Untuk mencapai matlamat di atas tadi, sistem pentadbiran adalah penting supaya perjalanan FAMA licin dan betul-betul berkesan. Kejayaan sesuatu badan terletak di tangan pegawai-pegawai dan kakitangan badan itu dan pencapaian kejayaan tadi terletak kepada kecekapan, kemahiran, kejujuran, ketepatan, kerajinan serta yang tidak kurang penting daya kreativiti orang-orang yang mengendalikan badan tersebut. Begitulah ciri-ciri yang diperlu oleh FAMA untuk mencapai matlamat pemasaran keluaran pertanian tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pentadbiran dalaman sahaja belum boleh dapat menjamin kejayaan FAMA dalam mencapai matlamat pemasarannya. Dunia pemasaran adalah dunia, 'the world is the market', dengan izin. Ini bermakna pihak FAMA mesti peka kepada perkembangan, persekitaran pemasaran dunia dan lebih lagi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, FAMA, dengan izin, Federal Agricultural Marketing Authority, apakah FAMA bergerak sebagai marketing authority, apakah perkataan marketing atau pemasaran itu dipentingkan, atau apakah perkataan 'authority' atau 'Lembaga' itu lebih dipentingkan. Lembaga adalah jentera, marketing adalah cara untuk mengubah sesuatu barang kepada pasaran, yang saya ingin tahu apakah

sistem pemasaran sekarang ini berkesan dan memberi keuntungan atau sebaliknya atau bukannya masih banyak lagi eksploitasi oleh orang-orang tengah yang mana pihak-pihak petani tidak mendapat keuntungan di atas hasil mereka itu sungguhpun FAMA telah lama wujud.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar saya tahu perjalanan sekarang belum lagi sempurna sungguhpun ada pengakuan dibuat oleh pihak Kementerian, apakah hendak mengharap kejayaan material sedangkan masalah dalaman pun baru hendak dibetulkan sekarang ini. Jadi, adalah harapan saya agar selepas lulusnya Rang Undang-undang **ini**, FAMA akan dapat bergerak sebagai suatu sumber kewangan kepada Kerajaan sebagai profit centre, dengan izin, bukannya lagi sebagai cost centre dalam keadaan sekarang ini ataupun hanya sebagai pusat perkhidmatan sahaja atau untuk tujuan eksperimen atau latihan sahaja. Saya sudah lama berlatih, sudah lama bereksperimen, tidakkan hendak jual pisang, mempelam, buah nenas dan sayur pun belum ada cara yang teratur dan berkesan. Jika tidak, mengapa ini berlaku, Tuan Yang diPertua.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting untuk menjayakan sesuatu pemasaran barangan adalah kaedah pemasaran yang betul mengikut prinsip-prinsip pemasaran yang sebenar. Dalam hal ini kita haruslah mahir dalam hal-hal seperti penentuan apa yang hendak dijual iaitu barang, apa jenis barang, apa rupa barang, apakah barang itu boleh dijual dalam keadaannya sekarang, apakah kualitasnya, berapa banyakkah hendak dijual, di manakah sumbernya? Pendek kata, mengenali product ataupun barang atau barang yang dipelawa untuk dijual sama ada secara segar atau proses. Itu prinsip yang pertama.

Prinsip yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga. Berapa harga yang hendak dikenakan, bagaimana hendak menetapkan harga, adakah mengikut kos pengeluaran, adakah mengikut demand atau adakah mengikut pasaran. Jadi ini adalah perkara yang penting juga. Kalau kita mengharapkan untuk menetapkan harga jualan hanya mengikut kos, mungkin ini tidak akan memberi faedah, oleh sebab harga pasaran berubah-ubah, di mana harganya murah kita seharusnya ubah barang ini kepada tempat yang boleh dijual dengan harga yang tinggi supaya petani dapat menikmati faedah daripada jualan tadi, Ini perlu untuk mendapat sambutan. Pemasar harus sensitif kepada harga pasaran. Itu adalah satu perkara yang penting. Mungkin pihak-pihak petani tak dapat menentukan harga pasaran. Ini adalah terletak dalam tangan FAMA sendiri untuk menentukan harga pasaran.

Contoh, kalaulah kita hendak jual buah nenas hanya di Ayer Hitam di mana nenas ditanam memang harganya murah, tetapi kalau nenas itu dipindahkan ke Gua Musang, mungkin harganya akan tinggi dan di sana demandnya pun ada. Jadi yang anihnya di Gua Musang ataupun

di mana-mana tempat lain di Kelantan atau Terengganu, kita bukan dapat nenas daripada Malayaia, kita dapat beli nenas daripada Siam dengan harga yang tinggi. Jadi, ini adalah satu masalah kepada pengguna pula, tak dapat barang, harga tinggi. Jadi, siapa yang kita hendak menyalahkan ini? Adakah kita hendak menyalahkan penanam? Rasa saya ini adalah satu tanggungjawab besar kepada pihak FAMA untuk hendak menentukan bahan itu dijual di tempat yang ada demandnya, bukan hendak jual di tempat yang ditanam, orang yang sudah tanam, dia tak akan beli lagi.

Yang ketiga adalah berkenaan pengedaran. Apakah infrastruktur pengedaran lengkap, apakah cara dan di mana hendak diedarkan? Adakah kenderaan muatan. sesuai dan cukup? Apakah penentuan tempat jualan sama ada di kedai, hendak jual di gerai, di supermarket secara bergerak dan apakah cara yang lain lagi? Jadi, setakat yang kita tahu sekarang ini yang banyaknya pun kalau buah nenas itu hanya dibuat secara dalam tin, tetapi secara segar tak banyak. Malaysia tak eksport buah nenas secara segar, tetapi kalau kita pergi ke London, Eropah ataupun ke Hong Kong, kita dapat buah nenas tetapi bukan buah nenas daripada Malaysia, ia datang jauh daripada kepulauan yang datang dengan kapal terbang. Kita tidak usaha untuk memasarkan nenas kita ke peringkat itu. Ini sebagai contoh hanya satu jenis buah, iaitu buah nenas, begitu juga buah-buah lain.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip yang keempat, pasaran. Pasaran merupakan kunci kejayaan, tak ada pasaran tak ada barang; ada pasaran ada barang, kecuali terjadi sebagaimana yang saya sebut tadi, tempat yang hendak dibeli tak ada barang, tempat yang tak perlukan barang, dia jual. Apakah saiz pasaran? Kita mesti tahu apakah saiz pasaran kita. Makna kata, besar manakah pasaran. Kalau

kita pergi ke Perak, apakah pasaran di Perak itu dapat mencukupi untuk menjual, kata 10 tan nenas. Saya yakin pihak FAMA tidak menjalankan kajian sedalam-dalam ini. Jadi, sebagai contoh. Apakah jenis pasaran, apakah jenis atau tahap sosio ekonomi pembeli? Ini mungkin teknikal sangat, sosio ekonomi, fasal kita hendak jual hanya buah, kita tahu semua orang makan buah, tak perlu kita kaji, tetapi untuk hendak menentukan harga buah, itu mesti kita kaji. Kalau kita hendak jual di tepi jalan, pisang pun sudah sekilo sampai setengahnya \$2, dalam Kuala Lumpur pun kita jual \$2 juga di mana kemampuan lebih tinggi. Itu adalah satu penetapan harga yang tak betul. Di kampung mesti kita jual harga murah. Di bandar pula kita jual harga tinggi sedikit. Inilah yang saya maksudkan dengan harga mengikut pasaran, tidak mengikut kos.

Selain daripada itu, kita mesti menentukan, apakah falsafah pemasaran, sama ada kita market oriented ataupun product oriented, dengan izin, iaitu cari selidik pasaran dahulu, kemudian keluarkan barang. Selepas kita ada kemungkinan untuk mendapat pasaran, barulah mula tanam. Hendak tanam pisang dalam 6 bulan sudah boleh makan, hendak selidik mungkin ambil masa 2-3 tahun. Jadi, ini satu kerja ataupun usaha jangka panjang untuk pihak FAMA hendak menjalankan kajian secara ini. Atau reka atau keluarkan barang dahulu, kemudian cuba cari pasaran. Inipun satu cara. Di akhbar baru-baru ini kita dapati sudah ada hendak mengeluarkan jenis buah ataupun udang ataupun apa jenis lagi yang begitu besar yang boleh dapat hasil dalam jangka yang pendek. Jadi kita reka, mengeluarkan, umpama kata nenas ataupun lain-lain buah atau mengeluarkan aroma ataupun baunya yang berlainan sedikit secara kacukan, ataupun buah

belimbing. Ini memang sudah dijalankan. Jadi, semua ini boleh dijalankan juga iaitu kita mengeluarkan sesuatu barang yang lain sedikit. Selepas kita berjaya mengeluarkan barang ini, barulah kita usaha untuk memasarkannya, iaitu cara ini dipanggilkan product oriented, dengan izin.

Selain daripada itu, kita mesti tahu di mana kedudukan kita dalam pasaran, bagaimana kita berbanding dengan competitor kita; Kalau kita hendak jual buah nenas, sekali lagi sebagai contoh, kalau nenas orang lain pun sudah banyak di situ, macam di Perlis, umpama kata, hendak bawa buah nenas daripada Johor, kita boleh dapat buah nenas Siam lagi murah daripada sana, mungkin kita tidak akan beli nenas daripada Johor, lebih baik kita beli daripada Siam.

Begitu juga Rantau Panjang, saya beli dua biji buah nenas Siam, nenas Sarawak yang datang daripada Siam. Tetapi hak daripada Malaysia tidak ada di sana, itu pun mahal juga. Ini sebagai contoh. Jadi, soalan-soalan ataupun apa yang saya sebut tadi, Tuan Yang di-Pertua, perlulah dijawab untuk kita berjaya di dalam pemasaran sesuatu-sesuatu barang ini.

Selain daripada prinsip-prinsip di atas tadi yang mustahak juga ialah suatu bidang yang FAMA aktif di dalam negeri dan juga di luar negeri, sungguh aktif iaitu bidang promosi. Banyak iklan dibuat, banyak publisiti dibuat, malangnya tidak ada barang hendak dijual. Consultant pemasaran dilantik untuk memasar barang yang non-existence, dengan izin. Berbagai contoh packaging dan presentation dibuat. Ini membazir wang. Baru-baru ini sebuah gerai diletak di Subang Airport dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan dalam gambar iaitu bahan-bahan kita nampak digambar sahaja. Bukan buah sebenarnya, gambar. Yang ada, yang saya nampak pada pagi itu mungkin saya terawal sedikit, ada buah-buahan dalam paket, tiga ulas buah ciku dengan harga \$1.50 satu paket di airport sana.

Promosi memang perlu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi promosi mesti menepati kualiti barangnya dan kuantiti barang dan harga yang dipelawa. Contoh, 'Harumanis' Perlis, diiklan dan dipromote di Timur Tengah dan di Eropah. Tambahan tidak dapat dipenuhi, mereka minta berpuluh-puluh tan, Perlis boleh mengeluarkan lebih kurang enam tan sahaja setahun. Ini pun dengan kerjasama FAMA untuk hendak promotekan memberi publisiti kepada bahan yang tidak cukup. Jadi, kita sia-siakan wang. Wang itu adalah wang Kerajaan, wang Kerajaan adalah wang rakyat. Jadi, inilah kita berharap

pihak FAMA jangan begitu bergiat untuk mempromote melalui apa sahaja media sehinggakan harga iklan, harga publisiti begitu tinggi, akhirnya tidak memberi keuntungan kepada sesiapa. Bukan itu sahaja, kegiatan eksport pula, Tuan Yang di-Pertua, begitu aktif hinggakan bekalan kepada pasaran tempatan tidak mencukupi dan harga buah tempatan lebih mahal dari buah yang diimport. Ini pun mendatangkan satu masalah kepada rakyat kita sendiri. Kita mengiklankan, kita hendak eksport sahaja, sedangkan bekalan untuk tempatan pun tidak cukup.

Buah mempelam, kalau kita pergi dekat Jaya Supermarket, satu kilo \$6.00. Satu kilo \$6.00 buah mempelam tempatan, saya pun tidak tahu hendak faham. Jadi, lebih murah kita beli buah yang kita import daripada makan buah tempatan. Ini pun satu ganjil kerana hendak jual kepada luar negeri, buah tempatan pun tidak cukup. Jadi, kita minta pihak FAMA untuk memberi satu usaha menseimbangkan di dalam masalah pemasaran buah-buahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya telah sebut mengenai aspek-aspek lain seperti kajian pemasaran, market research, latihan-latihan, penyelarasan bekalan dan pengedaran harus diambil perhatian. Buah nenas tempatan macam saya sebut tadi hanya dijual kebanyakan di Selatan. Di sebelah Pantai Timur sana, Kelantan, Terangganu, Pahang, susah hendak cari. Kalau pergi kampung memang tidak dapat lagi. Jadi, inilah sebagai contoh. Ini bersangkutan dengan penyelarasan dan pengedaran.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu selepas apa yang saya sebut tadi, apakah sebenarnya FAMA ini? Adakah FAMA marketing, adakah FAMA sebenarnya the marketing dengan usaha-usaha tadi, kita telah sampai ke tahap the marketing. Ini

satu hal yang agak rumit yang memberikan masalah. Saya sekali lagi minta pihak FAMA berusaha.

Dalam hal-hal lain lagi, tidak usahlah saya sentuh, memang sekiranya kalau kita betul-betul mengikut prinsip-prinsip pemasaran, ada banyak bidang-bidang lain lagi yang boleh kita tempoh, tetapi sekadar ini rasa saya mencukupi, dan bagaimanapun saya berharap agar pihak FAMA, pihak Kementerian Pertanian dan badan-badan lain yang bertanggungjawab dalam hal pengeluaran bahan-bahan pertanian dapat mengambil perhatian di atas apa yang saya sebut agar matlamat FAMA dapat tercapai dengan sempurna, berkesan dan beruntung.

Akhirnya, saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, banyak laporan-laporan tahunan yang kebanyakannay membazir duit kerana begitu pictorial, dengan izin, bercolour dan dicetak dalam kertas yang begitu mahal. Sungguhpun impressive, tetapi isinya separuh bahasa Inggeris, separuh Bahasa Malaysia. Jadi, isinya pun tidak berubah banyak daripada tahun ke tahun. Begitu juga laporan sedikit, kewangan sedikit. Tetapi bagi pihak FAMA pula, saya dapati langsung tidak ada laporan tahunan. Jadi, kalau boleh, saya nampak laporan tahunan, bolehlah saya cakap lebih sedikit, tetapi oleh sebab tidak ada diberi bersama, sepatutnya ada, oleh sebab kita ada Rang Undang-undang FAMA hari **ini**, tetapi laporan tahunan pun tidak diberi. Jadi, saya pun ingin tahu mengapa ia tidak diedar pada Penggal **ini**, terutama sekali bila kita hendak membahis Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekianlah, dan sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

5.28ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Pertubuhan 1955 dan Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1959 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Dewan yang mulia ini yang bertujuan memperkemas lagi segala pentadbiran Lembaga ini sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen baru sebentar tadi.

Saya menyokong khususnya Fasal 5 yang mana Fasal baru itu memberi flexibiliti, dengan izin, kepada Lembaga ini dengan syarat mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri menentukan mengikut peraturan yang baru dan di dalam menentukan surcaj dan laia-lain tindakan disiplin untuk diambil ke atas pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kerja-kerja yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa, satu agensi yang menjadi sebuah birokrasi besar perlu meminda segala peraturannya untuk memastikan supaya kerja-kerja house keeping, dengan izin, dapat dijalankan dengan lebih kemas. Kadang-kadang apabila sebuah birokrasi itu menjadi suatu badan yang besar seperti FAMA ini dengan mempunyai bahagian unit-unit yang dianggotai oleh beratus-ratus orang pegawai dan kakitangan masalah dalaman, mengorbankan banyak masa dan fikiran pihak pengurusan atasannya. Pengorbanan ini merompak masa dan fikiran yang seharusnya diberi kepada usaha-usaha mencapai matlamat-matlamat pembangunan masyarakat yang mana insitutisi itu ditubuhkan khas untuknya.

Tuan Yang di-Petua, semoga dengan adanya pindaan undang-undang **ini**, segala masalah dalaman akan beres diselesaikan bukan sahaja untuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, tetapi juga untuk semua agensi di bawah Kementerian Pertanian yang ada kaitannya dengan Kementerian yang berkenaan. Tanpa pihak pengurusan mengorbankan masa dan fikiran yang banyak semata-mata untuk membuat kerja house keeping, dengau izin, misalnya masalah-masalah tata tertib dan suntikan secara automatik digariskan dengan terang oleh pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Akta ini, tanpa banyak persoalan mengenai kuasa siapa, tanggungjawab siapa dan lain-lain lagi. Justeru itu agensi seperti FAMA ini bolehlah menumpukan masa yang lebih kepada kerja-kerja pembangunan ekonomi masyarakat **tani**.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kerja-kerja pembangunan ekonomi kaum tani, saya ingin menyentuh beberapa persoalan mengenai kerja-kerja FAMA selama ini. FAMA selama hari ini dan FAMA sebagai namanya yang memberi erti kepada kita adalah sebuah badan yang berkuasa menentukan segala bentuk ataupun peraturan-peraturan, cara dan memperkembangkan aktiviti pemasaran hasil pertanian negara. Apabila FAMA ditubuhkan pada akhir tahun 1960an dahulu ianya mempunyai kuasa ke atas semua pengeluaran pertanian melainkan getah, tetapi apabila kehendak-kehendak pengkhususan diperlukan untuk pengeluaran-pengeluaran pertanian yang besar seperti padi, nenas, koko, tembakan dan lada hitam, agensi-agensi khas ditubuhkan pula oleh Kerajaan untuk pemasaran tiap-tiap komoditi yang tersebut. Akhirnya tinggallah FAMA dengan pengeluaran-pengeluaran pertanian yang merupakan sisa-sisa di kalangan pengeluaran-pengeluaran pertanian negara yang tidak menyumbang pulangan yang besar kepada negara seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan hasil-hasil pemerosesannya,

Tuan Yang di-Pertua, apabila ini berlaku pada tahun 1970an dahulu, harapan kita kepada FAMA ialah supaya pengeluaran-pengeluaran pertanian yang disifatkan sebagai sisa-sisa yang orang lain tidak mahu itu diperkemasan dan diperkembangkan pemasarannya supaya mereka menjadi penyumbang yang besar kepada ekonomi negara. Adakah FAMA telah mencapainya selepas 5 tahun yang lalu segala kejayaannya sebagaimana yang dikehendaki itu, seperti menolong memasarkan barang-barang keluaran pertanian negara ini dari luar bandar dengan berapa banyakkah bilangan pasar tani yang

telah diwujudkan oleh pihak FAMA di seluruh negara kita sehingga sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, dengan **ini**, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan yang bernama suatu Akta Lembaga Pemasaraan Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1989. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

5.34 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk bersama-sama sedikit sebanyak memperbincang dan membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 pada petang **ini**, di mana dengan sepenuh hati saya menyokong penuh kepada Akta yang hendak dipinda ini.

Setelah kita meneliti kepada Akta yang disediakan dan kemudian huraian-huraian daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, maka nyatalah undang-undang ini telah dikemukakan untuk dipinda, setelah meneliti kepada beberapa perkembangan yang kurang wajar mungkin, yang barangkali banyak kelemahannya dan beberapa perkara yang telah menjadi buah mulut orang ramai mengenai perkembangan dan prestasi FAMA itu sendiri.

Seperti yang kita maklum di tahun-tahun yang sudah dan tahun-tahun yang sebelumnya, FAMA sebenarnya telah menjadi nafas kepada pergerakan dan perkembangan perekonomian khususnya di kalangan peladang-peladang dan petani-petani, pengusaha-pengusaha kita bukan sahaja yang jauh di pedalaman tetapi juga di luar bandar dan di

kampung-kampung sekitaran bandar. Kita tidak boleh menafikan bahawa jasa FAMA telah banyak kepada rakyat jelata dan telah sedikit sebanyak mengharumkan nama baik Kerajaan dalam urusan mengenai hasil-hasil tani, hasil-hasil perladangan, bukan sahaja untuk dalam negeri, tetapi juga untuk luar negeri. Tetapi sebagai satu badan yang baru ditubuhkan di negara kita, maksud saya baru ialah setelah negara kita merdeka, maka pasti ada beberapa perkara yang kurang lengkap atau kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti dan demi untuk memperbaiki, menyelaras dan memperbetulkan untuk meningkatkan prestasi untuk mencapai matlamat negara dalam bidang perekonomian, dari sektor pertanian **ini**, maka undang-undang ini telah dikemukakan untuk dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memetik dua tiga perkara di dalam perundangan ini yang saya rasa sangat baik dan saya ingin meminta sedikit penjelasan atas satu dua perkara yang saya sendiri - saya tidak tahu kawan-kawan yang lain, merasa tidak begitu jelas.

Yang pertama, yang ingin saya sentuh ialah mengenai Fasal 2 bertujuan memasukkan 3 seksyen baru iaitu seksyen 4, 5 dan 6. Seksyen baru 4 menetapkan kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah Lembaga. Seksyen baru 5 memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik beberapa orang pegawai dan pengkhidmat sebagaimana yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsinya.

Seksyen baru 6 bertujuan menubuhkan satu Jawatankuasa Tatatertib, menetapkan keanggotaannya dan menerangkan bidang kuasa serta kuasa-kuasanya termasuk kuasa untuk mewakilkan fungsi-fungsi kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajibannya, Keputusan-keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh dirayukan kepada Lembaga.

Kekeliruan saya apakah selama ini FAMA tidak punya Lembaga yang berkenaan dan kalau tidak punya Lembaga berkenaan bagaimanakah perlantikan pegawai-pegawai dibuat?

Mengenai Fasal 3 bertujuan meminda Akta dengan memasukkan Seksyen baru 11A untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan surcaj ke atas mana-mana pegawai ataupun pengkhidmat Lembaga yang lalu. Ini mesti ada misterinya atau yang sekarang berkenaan dengan kegagalan mengutip ataupun bayaran tak patut, wang, kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, kegagalan membuat atau kelambatan dalam membuat bayaran, sekiranya tiada penjelasan yang memuaskan hati telah diberikan bagi perbuatan sedemikian.

Saya ingin bertanya, berapa banyak kes yang telah berlaku atas kelemahan-kelemahan berkenaan, umpamanya seperti kegagalan menyimpan akaun atau rakod yang tersusun dan, perkataan yang disebut di sini "Lembaga yang lalu", bermakna Lembaga yang sudah berfungsi. Apakah pernah berlaku beberapa kelemahan seperti yang diperlukan pindaan-pindaan Rang Undang-undang (Pindaan) di hadapan kita ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada dan dengan adanya Akta ini nanti, tindakan tatatertib hendaklah diambil, maka saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kerana penyelewengan, kelemahan, kelalaian, malas bekerja, buat sambil lewa, barangkalai faktor terpenting menyebabkan FAMA tidak begitu lancar perjalanannya dan tidak begitu aktif fungsinya sehingga menyebabkan beberapa rungutan-rungutan di kalangan rakyat jelata khasnya mereka yang bergiat seperti peladang, petani dan pengusaha-pengusaha tanah dan pada satu ketika dahulu saya masih ingat peristiwa mempelam yang

tidak dapat dipasarkan oleh FAMA di sebelah utara.

Sahabat saya tadi telah menceritakan berbagai-bagai perkara yang saya rasa perlu diambil perhatian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk dijadikan sebagai satu rujukan atau mana-mana pan dengan yang baik itu dijadikan sebagai satu bahan untuk membuat perubahan, penyelarasan di dalam FAMA ataupun Lembaga yang akan dijalankan selepas Akta ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya FAMA tidak dinafikan kemajuannya. Tetapi ada banyak juga kelemahannya. Untung tuahlah adanya Pasar Tani maka setiap pengusaha, peladang, petani dapat juga untuk memasarkan hasil pertanian usaha mereka ini melalui Pasar Tani secara bersendirian. Kerana kalau hendak diharapkan daripada pasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ini tentulah barangkali banyak yang akan terkeciwa. Kita tidak juga hendak menyalahkan pihak FAMA 100% kerana tentulah mustahil bagi FAMA hendak merangkumi atau hendak menjaga semua daerah atau kawasan dalam negara kita walaupun tidak begitu luas. Tetapi beberapa perkara yang dianggap kecil tetapi sebenarnya menjadikan satu beban kepada peladang dan petani telah berlaku. Satu peristiwa mempelam yang saya sebutkan tadi dan satu lagi peristiwa nenas.

Saya datang daripada kampung yang banyak nenas, Tuan Yang di-Pertua, iaitu di Teluk Intan, nama tempatnya Kampung Selabak. Keluarga saya banyak yang mempunyai kebun nenas yang berekar-ekar luasnya dan selalu sangat berurus dengan FAMA di kawasan berkenaan. Tetapi setahun dua yang lalu ada ketika mereka terpaksa membakar nenasnya beribu-ribu biji, kerana telah rosak dan tidak boleh dipasarkan lagi disebabkan beberapa perkara-perkara teknikal yang berlaku di kalangan pegawai-pegawai yang menjalankan kerja FAMA di kawasan setempat.

Tadi sahabat saya menyebut ada harga-harga barang tempatan yang Lebih tinggi daripada harga barang buah-buahan yang diimport. Ini juga benar. Saya pun tidak faham bagaimana mempelam beratus-ratus

biji di sebelah utara seperti di Perlis dan Kedah, di satu ketika menjadi satu rungutan besar hingga sampai mereka hendak berpeket, menunjuk perasaan. Kemudian kita dapati di Supermarket-supermarket atau Pasaraya-pasaraya, penjualan mempelam yang sama harganya terlalu tinggi. Ini memerlukan penyelarasan.

Kita harap dengan adanya Akta **ini**, kerana di sini disebutkan berkali-kali mengenai tindakan yang akan diambil kepada pegawai-pegawai yang tidak menjalankan kerja dengan sewajarnya seperti yang diamanahkan yang telah ditunjukkan, dan juga kuasa-kuasa yang hendak diberikan kepada Lembaga dan pegawai-pegawai tinggi FAMA untuk mengambil tindakan kepada penyelewengan atau kepada beberapa perkara yang tidak berjalan atau kepada perkara-perkara yang mungkin menjejaskan fungsi FAMA itu bukan sahaja diperingkat tertinggi tetapi juga diperingkat akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya lagi kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai benih-benih buah-buahan. Mengapa buah-buah mempelam kita di sini lebih masam daripada buah-buah mempelam yang ada di Thailand. Di Thailand, di Patani sahaja, tempat ini dengan Perlis tidak jauh. Begitu juga Rantau Panjang dengan Thailand bersempadan, seberang sungai sahaja. Tetapi mempelam di Haadyai, di Padang Besar, di Air Hitam lebih manis, lebih murah daripada mempelam yang dipasarkan di pasar buah Perlis dan juga Kedah termasuklah di Kuala Lumpur.

Kemudian mengenai nenas. Saya tidak nafikan ada nenas manis, ada nenas masam. Tetapi kalau kita mengunjungi di Hawaii, nenas-nenasnya semua manis-manis belaka. Tidak ada satu pun yang tidak manis. Saya pernah mendapat kesempatan melawat satu institusi

dan satu perladangan nenas di Hawaii, maka ditunjukkanlah nenas-nenas yang datang dari seluruh dunia. Satu perbatasannya adalah nenas dari Malaysia. Maka kami diberikan makanan nenas-nenas dari negeri-negeri berkenaan ada lebih kurang 12 atau 13 negeri tropika yang menanam nenas. Saya berasa malu bila diberikan nenas Malaysia masara rasanya. Jadi ada tidak usaha dibuat oleh FAMA supaya dikahwinkan, dicampur adukkan sahaja. Manusia pun sekarang ini boleh buat dengan tabung **uji**, permanian beradas, dengan **izin**. Boleh dibuat dengan tabung uji. Saya tidak tahu hukumnya dalam Islam. Tetapi sudah boleh dibuat dengan tabung uji. Ertinya kalau bapanya seorang yang lawa seperti Setiausaha Parlimen kita ini Dato Dr. K.S. Nijhar [**Ketawa**] dan kemudian ibunya seorang yang cantik seperti seorang pegawai yang duduk depan saya itu, maka kalau ditabung ujikan, mesti anaknya lagi cantik. Jadi ini satu misalan. Walau macam mana **pun**, saya tidak menyentuh dari segi agama.

Jadi, tidakkah ada usaha dibuat untuk memaniskan semua buah ini. Seperti juga telah dibuat kepada buah pisang emas. Negeri Jepun dia tidak hendak beli pisang emas yang kecil-kecil, dia hendak pisang emas yang besar-besar. Kemudian ada sukatan pula itu. Dua inci setengah, tiga inci. Kalau tidak betul sukatannya ditolak. Ini juga menyebabkan penanam-penanam pisang kita gelisah. Bila dia hendak eksportkan pisang **ini**, mesti yang the best **one**, dengan **izin**, yang terbaik dan yang ukurannya itu seimbang. Jadi adakah FAMA sudah melalui MARDI atau apa-apa lain jabatan atau usahawan kita yang membuat research mengahwin-ngahwinkan bahan-bahan ini supaya kalau pisang emas itu bila dia berbuah, berjantung, pisang ditandanya sama sahaja. Ertinya kalau tiga inci, tiga inci semua begitu.

Kalau misalannya dikehendakki pula pisang yang lain itu enam inci, lima incikah maka sukatan itu tidak akan kecil atau banyak. Ertinya tidak akan lari daripada sukatan yang dikehendaki oleh pengeksport-pengeksport luar negeri. Ini tidak mustahil, sebab banyak benda telah boleh diusahakan melalui research melalui kajian. Cendawan pun sudah macam-macam jenis cendawan boleh dibuat. Ada cendawan mekar, cendawan bunga, cendawan hitam, cendawan gugur; macam-macam cendawan hasil daripada kajian dan usaha-usaha mereka yang bijaksana dalam lapangan ini.

Universiti Pertanian umpamanya telah banyak mengeluarkan graduan-graduan dalam bidang pertanian. Sedangkan ikan pun mereka boleh wujudkan benih-benih ikan dikahwinkan ikan A dengan ikan B jadi ikan A dan B. Ini juga telah dilakukan. Maka saya rasa FAMA juga kena ambil peranan yang penting dalam membekalkan benih, menentukan mutu. Begitu juga jenis sayur-sayuran.

Tidak dinafikan memang banyak sudah kemajuannya. Kadangkala kita terkejut menengok buah timun yang dulu biasanya sebesar-besar lengan sekarang ini sebesar-besar paha hasil dari kajian dan bahan-bahan teknologi. Begitu juga jenis sayur-sayuran.

Tetapi saya masih pelik. Buah mempelam masih masam. Buah belimbing pun banyak. Maksud saya buah belimbing besi, cakap Melayunya. Buah belimbing bersegi. Dia ada dua jenis buah belimbing. Yang bulat sahaja **itu**, itu besi. Yang bersegi-segi, star fruit dalam bahasa Inggerisnya itu belimbing segi. Bukan hendak mengajar, Timbalan Menteri lagi arif, dia orang yang memegang FAMA, Ini juga kedapatan masam. Jadi bila buah-buah ini tidak menarik selera, masam, hendak buat juice pun orang tidak berani

buat. Di campur gula pun masamnya masih terasa.

Kemudian perusahaan mengenai jambu batu. Jambu batu ini, saya rasa telah mendatangkan hasil yang agak lumayan kepada mereka yang telah mengusahakannya. Apakah FAMA juga ada mengambil peranan untuk memasarkan jambu batu ini ke luar negeri sama ada dengan mengetinkannyakah atau cara-cara lain, kerana saya dapati - bukan saya dapati saya meneliti. "Dapati" ini macam bijak sangat pula, meneliti. Orang-orang Jepun suka sangat dengan jambu batu ini. Seperti mereka suka dengan buah manggis dan buah pisang.

Di Tokyo, di satu bandar bernama Shinjuku, dua biji pisang berharga US\$5.00. Dan biji manggis berharga US\$5.00 juga. Saya jadi terkejut besar mengapa begitu tinggi harganya dan kalau beginilah harganya, mesti kayalah kita yang mengeksportkan barang-barang ini ke Jepun. Tetapi di manakah letaknya orang-orang yang ada kebun manggis di kampung masih lagi di dalam keadaan tahap yang lama, jual satu bakul manggis dapat sebanyak \$3.00.

Saya ada kebun manggis sedikit, Tuan Yang di-Pertua, yang dijaga oleh keluarga saya. Sekampunglah saya dengan Tuan Haji Salleh ini. Kami ada kebun-kebun manggis di belakang-belakang rumah, bila hendak dijual, satu bakul yang beratnya lebih kurang 2 pikul atau 3 pikul itu harganya \$3. Tetapi bila sampai di Kuala Lumpur, harga itu naik menjadi \$3 satu ikat yang mengandungi 20 biji atau 10 biji kalau yang cantik-cantik. Ini di mana silapnya? FAMA tidak pernahkah jeling-jeling di atas perkara ini? Menjeling itu maksudnya menengok sedikit-sedikit atau menoleh-noleh, kata orang, sebab apa bahan-bahan ini juga bahan-bahan yang sangat laku di luar negeri.

Saya percaya pisang di negara kita lebih baik daripada pisang di negara-negara tropika yang lain. Barangkali kalau kita dapat usahakannya dengan sepenuhnya, dengan kakitangan yang jujur, ikhlas, yang rajin dengan ahli-ahli Lembaganya yang rajin bermesyuarat, rajin meneliti, duduk dalam Lembaga jangan goyang kaki, sebab Lembaga sudah diberi amanah dan kemudian apabila dilantik menjadi pegawai-pegawai tinggi, jangan hanya mengarah dalam bilik sejuk, sebab pegawai-pegawai di bawahnya nanti pandailah mereka membuat cerita, sebab dia tahu boss besarnya tidak pernah meneliti ke akar umbi, sekadar membaca laporan demi laporan seperti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, laporan FAMA untuk tahun ini tidak ada. Tahun sudah diberikan laporan untuk tahun 1986. Jadi laporan ini lambat setahun. Ini saya kurang arif, apakah ini disebabkan oleh kerana kekurangan kakitangan atau memang sengaja mereka hendak meneliti dahulu, baru hendak dikeluarkan laporan-laporan ini?

Dengan rasa hormat kepada Kementerian yang berkenaan, dengan rasa hormat kepada Menteri-menteri, Ketua-ketua Pengarah, terutamanya Ketua Pengarah Bahagian FAMA yang telah melaksanakan banyak kerja, bukan tidak ada kerja, tetapi banyak kerja, maka saya mengharapkan FAMA sebagai satu badan pemasaran yang menjadi pergantungan kepada petani-petani, peladang-peladang, orang-prang yang berpendapatan \$300 ke bawah sebulan, biarlah berfungsi dengan sebaik-baiknya, biarlah bekerja dengan bersungguh-sungguhnya dan kalau peruntukan tidak ada, mintalah supaya kami boleh menyokongnya, kerana ini merupakan satu aspek terpenting bagi meninggikan ekonomi rakyat jelata, terutamanya mereka yang mencari atau yang bergantung kehidupannya dengan pertanian dan perladangan bentuk usahawan tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, jadilah setakat itu dahulu dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah peka dan telah menyedari semua kelembapan dan kelemahan yang telah berlaku dan mungkin akan terus berlaku kalau tidak diberikan pengawasan rapi oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini, maka Akta ini dikemukakan untuk dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, dengan **ini**, saya menyokong penuh suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Sekian.

5.54 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bercakap dalam masalah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 ini dan saya berdiri untuk menyokong supaya ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini adalah dengan tujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib di dalam Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa dalam penubuhan Jawatankuasa Tatatertib ini ada juga dimasukkan supaya mana-mana pengkhidmat-pengkhidmat yang salah-laku di dalam menjalankan kerjanya, baik yang sedang berkhidmat mahupun yang sudah bersara atau berhenti boleh dikenakan denda atau surcaj seperti apa yang disebutkan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan apakah maksud surcaj ini dan bagaimanakah cara amaunnya yang hendak disurcajkan kepada kakitangan-kakitangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya di dalam mana-mana organisasi pengurusan, masalah seumpama ini tidak berlaku tetapi agak saya FAMA membuatkan ini di dalam peraturannya, kerana sebahagian besar kakitangannya yang selalu agaknya menjalankan kerja-kerja dengan kegagalan mengutip atau bayaran tidak patut, wang kekurangan atau pemusnahan harta, kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.

Dua perkara yang penting di sini yang saya ingin bertanya ialah pemusnahan harta dan jika tidak menyimpan rekod kira-kira. Adalah amat ganjil mana satu pertubuhan yang pekerja-pekerjanya hendak musnahkan harta-harta di tempat dia bekerja. Kalau ini ada berlaku dalam FAMA, maka tindakan-tindakan yang lain patut diambil. Bukannya hendak disurcaj pekerja itu, ianya harus terus dibuang kerja. Demikian juga dengan rekod dan akaun, takkanlah satu pertubuhan seumpama ini tidak menyimpan rekodnya. Agak saya yang

disebutkan dalam Akta ini ada berlaku, yang tidak ada akaun disimpan oleh seseorang pegawai, kerana kita tahu bahawa jurang lapisan perkhidmatannya begitu luas sekali di dalam negara kita ini. Ianya berada di tiap-tiap bandar kecil ataupun di bandar-bandar besar, mungkin cara reportingnya tidak kena, tidak betul, maka itulah sebabnya tidak ada rekod atau akaun yang disimpan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Tetapi yang menghairankan saya ialah kenapa pekerja-pekerja yang telah bersara, yang sudah berhenti juga boleh dicajkan dengan surcaj ini dan mengikut ini kita boleh juga meminta beliau membayar melalui wang pencennya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini telah berlaku dan ada yang berlaku di masa-masa yang lalu, diharapkan Kerajaan dapat memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini berapakah jumlah kakitangan yang terbabit dalam masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 4 juga ada menyebutkan supaya Lembaga ini boleh menentukan skim kerja dan terma-termanya, term of service, dengan izin, bagi kakitangan **itu**, Agak saya semua kakitangan Kerajaan mempunyai terma-terma kerja yang sama dan tanggagaji-tanggagaji yang standard. Mengapakah Lembaga ini hendak mengadakan satu terma kerja yang berlainan dengan apa yang sudah diadakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam kita di dalam negara **ini**. Saya amat bersetuju yang Lembaga ini akan membuat peraturan-peraturan tata tertib yang boleh mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai tahanan kerja dengan pengurangan gaji dan apa-apa saraan, lain mengenai penggantungan jawatan tanpa gaji atau saraan lain bagi pegawai-pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmatnya. Saya amat bersetuju supaya ini diadakan supaya disiplin di antara kakitangan-kakitangan Lembaga ini akan dapat kita perketatkan.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa-siapa lagi yang ingin mengambil bahagian dalam perbincangan? Sekiranya tidak ada, saya minta Setiausaha Parlimen memberi jawapan.

6.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Ong Tin Kim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini dan juga memberi pandangan-pandangan, nasihat-nasihat dalam perbahasan mereka masing-masing.

Seperti dikatakan dalam penerangan tadi, tujuan utama Akta Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk memperkemas. Akta induk dengan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih jelas mengenai perkara-perkara tata tertib dan surcaj di samping peruntukan-peruntukan baru mengenai tugas dan tanggungjawab Ketua Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan. Tetapi dalam ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, ramai Ahli telah menyentuh tentang perkara-perkara yang lain. Walau bagaimanapun, saya cuba jawablah satu demi satu. Sekiranya saya tidak dapat jawab kepada semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun telah mengemukakan beberapa perkara yang penting, dalam anggapan saya tentang tugas FAMA dan juga perjalanan pentadbiran FAMA.

Yang Berhormat Tuan Dahalan telah membangkitkan sistem pentadbiran FAMA. Saya bersetuju dengan Yang

Berhormat itu bahawa dengan hanya ada satu Akta atau peraturan-peraturan tatatertib sahaja idak cukup kerana kita tidak dapat menjalankan tugas kita atau pentadbiran kita dengan licin sekiranya pegawai-pegawai kita tidak cekap, tidak mengambil berat dan tidak bertanggungjawab. Jadi, bukan sahaja kita hendak menggubal Akta-akta tersebut tetapi juga kita hendaklah mengadakan satu sistem pentadbiran supaya pentadbiran harian agensi ini dapat dijalankan dengan licin dan lancar dan pegawai-pegawai FAMA dapat menjalankan tugas mereka dalam suasana yang baik dan juga mereka dapat menjalankan tugasnya dengan cekap dan amanah. Dalam hal ini, Kementerian saya akan memastikan bahawa segala sistem pentadbiran itu berjalan dengan licin. Tetapi ini adalah satu perkara yang rumit kerana FAMA ialah satu agensi Kerajaan. Agensi ini lebih merupakan satu commercial agency yang menjalankan urusan dan berlainan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan. Jadi, pentadbirannya berbeza dengan pencadbiran Jabatan Kerajaan. Kita masih kurang pengalaman dalam bidang ini terutamanya dalam urusan perniagaan. Jadi, kita hanya dapat cuba melicinkan pentadbiran agensi-agensi di bawah Kementerian kita dan di sini saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu ada 8 agensi di bawah Kementerian saya ini. Jadi, kita hendak menjaga pentadbirannya supaya ia dapat menjalankan tugasnya dengan licin dan lancar. Ini bukan satu tugas yang senang. Ianya sangat rumit. Saya cuma dapat memberi satu assurance bahawa Kementerian ini akan sentiasa mempertingkatkan mutu pentadbiran di semua agensi di bawah Kementerian kita.

Yang Berhormat Tuan Dahalan juga membangkitkan bahawa FAMA hendaklah menjaga bukan sahaja harga pasaran dan pengedaran cetapi dan juga kedudukan negara kica daiam pasaran antarabangsa. Di sini

sebelum saya menjawab satu demi satu, saya hendak menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini mengenai tugas ataupun tanggungjawab FAMA. Tugas FAMA yang utama ialah untuk menyediakan dan membantu petani-petani kita mendapat satu pasaran yang luas, supaya petani-petani kita dapat menjualkan hasil-hasil mereka dalam satu pasaran yang bagus dengan harga-harga yang berpatutan tanpa melalui orang tengah. Inilah peranan utama FAMA.

Pada satu ketika, memang FAMA cuma melibatkan dirinya dalam urusan jualan beli secara besar-besaran, tetapi pada masa sekarang kita lebih menitikberatkan sebagai sokongan tambahan kepada petani-petani untuk menyediakan pasaran-pasaran. Kita menyediakan juga maklumat-maklumat berkenaan dengan pasaran. Maklumat-maklumat ini akan diedarkan kepada petani-petani supaya mereka mendapatkan maklumat mengenai pasaran ini dengan tepat dan cepat. Dengan cara ini, kita dapat menolong meningkatkan taraf hidup petani-petani kita khususnya petani-petani di kawasan-kawasan pedalaman. Di samping itu, FAMA kadangkala melibatkan diri dalam jual-beli pada waktu yang tertentu untuk menyelamatkan harga pasaran supaya harga itu tidak merosot kepada satu tahap yang mana akan merugikan petani-petani kita. Saya hendak beri satu contoh, iaitu copra. Pada suatu ketika harga copra itu jatuh sehingga ia tidak dapat dijual - bukan sahaja tidak dapat untung tetapi pada harga kos pun, ia tidak dapat dijual. Di masa-masa seperti ini FAMA akan campurtangan untuk membeli buah-buahan dan kelapa nyiur daripada petani-petani kecil itu dengan harga yang berpatutan untuk stabilise the market supaya harga itu jangan jatuh lagi. Kalau tidak, ia akan menghancurkan petani-petani kita.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dahalan bahawa pengedaran itu adalah satu aspek yang mustahak dalam urusan niaga. Tetapi, seperti yang saya katakan, FAMA pada masa sekarang lebih menumpukan tenaga kita untuk menyediakan pasaran-pasaran seperti Pasar Tani dan juga membuka pasaran-pasaran di luar negeri untuk membolehkan petani-petani kita mengeluarkan hasil-hasil mereka untuk dieksport atau dijual di pasar tertentu dan dapat harga yang berpatutan. Itulah tumpuan aktiviti-aktiviti FAMA pada masa sekarang.

Jadi pengedaran itu adalah satu perkara yang rumit. Perkara itu kita mengakui adalah rumit kerana kakitangan kita kekurangan pengalaman dalam hal **ini**, jadi kita hanya dapat mengutipkan maklumat-maklumat berkenaan pasaran, harga dan juga kuantiti-kuantiti pasaran dan juga maklumat-maklumat berkenaan pengeskport-pengeskport (importers), penjual-penjual runcit atau penjual-penjual borong. Maklumat-maklumat ini adalah diedarkan kepada petani-petani supaya petani-petani dapat berhubung terus dengan pembeli-pembeli ataupun FAMA mengaturkan pembeli dengan petani untuk berjumpa di satu tempat supaya mereka dapat berurusniaga terus di hadapan pegawai-pegawai FAMA. Itulah tugas FAMA pada ketika ini. Walau bagaimanapun, Kementerian dan FAMA akan mengambil perhatian tentang pengedaran, pemasaran dan juga kedudukan kita dalam pasaran dunia pada masa sekarang.

Saya juga hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Hassan bin Nam yang telah memberi sokongan penuh kepada FAMA dan juga kepada pindaan-pindaan ini supaya pentadbiran dan tindakan tatatertib dapat diambil dan dijalankan dengan licin setelah kuatkuasanya pindaan-pindaan ini.

Banyak perkara juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin. Saya cuba menjawab sedikit sebanyak yang dapat. Sebelum itu, Yang Berhormat Tuan Dahalan juga membangkitkan bahawa laporan FAMA bagi tahun ini tidak dapat diedarkan. Saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa laporan bagi FAMA akan diedarkan dalam sedikit hari lagi pada mesyuarat ini juga.

Berkeenaan dengan hal buah-buahan ataupun harga buah-buahan kita lebih mahal dijual ataupun susah hendak dapat di pasaran tempatan ini, ini boleh dikatakan adalah satu kejayaan bagi FAMA, kerana kita telah cuba mempergiatkan aktiviti-aktiviti seperti pameran, seminar-seminar, ceramah-ceramah dan trade promosi di luar negeri seperti di Saudi Arabia, di Eropah, di Jepun dan Amerika berkenaan buah-buahan kita seperti nenas, pisang, harumanis dan lain-lainnya. Sekarang kita juga bertumpu kepada buah belimbing besi. Kita mengadakan trade promotion dan juga pameran-pameran di luar negeri sehingga pengeksportan bagi buah-buahan ini meningkat satu atau dua kali ganda. Oleh kerana itu, di pasaran tempatan kadangkala tidak dapat dibeli setengah-setengah buah-buahan itu, ataupun harganya mahal tetapi saya fikir ini adalah satu perkara yang baik kerana petani kita akan dapat harga yang berpatutan bagi hasil mereka.

Dari hasil keluaran mereka itu, kalau dahulu mereka dapat \$1.00, sekarang mereka boleh dapat \$1.50, ataupun \$1.20. Itu adalah satu perkara yang baik bagi petani-petani kita dan inilah hasil kegiatan-kegiatan FAMA melalui promosi jualan buah-buahan di luar negeri dan juga dalam negeri. Kita mengadakan Kempen Minum Air Kelapa Muda, kita ada Kempen Makan Daging Arnab serta Kempen Makan Ulam. Semua ini kita tidak nampak dahulu di hotel-hotel yang besar Five-Star Hotels. Sekarang, air kelapa muda dijual di Five-star hotel ini. Orang asing, orang putih, orang Eropah yang suka minum air kelapa muda ini dan jualanannya telah meningkat dua kali ganda selepas promosi ini. Ini menunjukkan bahawa promosi kita telah mendapat satu kejayaan yang berkesan.

Puan Ainon Ariffin telah mempersoalkan bahawa adakah Lembaga itu telah wujud. Lembaga itu memang telah lama wujud. Lembaga Tatatertib adapun mengambil tindakan-tindakan terhadap

pegawai-pegawai yang menyeleweng dalam tugas mereka itu. Kita hanya dapat meminjam Perintah-perintah Am iaitu Bab D dan Pekeliling-pekeling Am bagi pegawai-pegawai awam. Saya ulang kita meminjam Perintah-perintah Am Pegawai Awam - Kelakuan dan Tatatertib Bab D itu untuk menjalankan tindakan-tindakan tatatertib itu, tetapi tatatertib itu tidak semuanya selaras dengan aktiviti-aktiviti FAMA.

Saya pernah berkata bahawa FAMA adalah satu agensi lebih merupakan satu commercial firm daripada statutory agency ataupun Jabatan Kerajaan. Aktiviti-aktiviti itu sangat berlainan dengan aktiviti-aktiviti atau tugas-tugas seorang pegawai am Kerajaan. Jadi tatatertib atau peraturan-peraturan dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam - Kelakuan dan Tatatertib Bab D itu kadang-kadang tidak sesuai. Kita hendak mengubahsuaikannya untuk menjalankan tatatertib dalam agensi FAMA. Selepas mengkaji dengan teliti dan juga telah berunding dengan Peguam Negara, kita memutuskan untuk mengadakan satu pindaan supaya Peraturan-peraturan Tatatertib adalah dimasukkan dalam Akta induk yang pada masa sekarang ini. Dengan sebab itu, kita mengadakan Rang Undang-undang **ini**.

Berkenaan dengan soal sama ada berlakunya penyelewengan oleh pegawai-pegawai dalam FAMA **itu**, saya telahpun memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita ada lapan agensi di bawah Kementerian ini dan sudah tentulah ada black sheep dalam sesuatu organisasi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan telahpun diambil terhadap pegawai-pegawai yang melanggar peraturan-peraturan ataupun menyeleweng dalam menjalankan tugas-tugas mereka itu.

Setakat ini gaya ingat lebih kurang enam kes tindakan telah dilaksanakan terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan. Pegawai-pegawai ini telahpun dibuang kerja dan ada 3 kes lagi yang masih dalam perbicaraan. Lain-lain tindakan pula ada diambil sebagai memberi amaran dan juga ada kes-kes yang mana gaji pegawai diturunkan sebagai amaran. Tetapi berbanding dengan beribu-ribu pegawai yang ada di bawah Kementerian **ini**, "black sheep" ini adalah segelintir atau sebahagian kecil sahaja.

Yang Berhormat Puan Ainon juga telah membangkitkan satu perkara berkenaan dengan hasil pengeluaran kita yang lebih mahal harganya daripada negara jiran kita. Itu adalah satu perkara yang rumit. Pertamanya, kos pangeluaran kita adalah lebih daripada negara jiran seperti Thailand dan Indonesia; keduanya ialah selepas promosi 'trade' untuk dieksport keluar negeri, barang-barang tempatan atau hasilhail keluaran petani, harganya telah meningkat. Oleh itu, mungkin harga buah-buahan sekarang lebih mahal daripada dahulu ataupun lebih mahal daripada negara-negara jiran.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan harga tinggi ini, ada rungutan daripada orang ramai seolah-olah FAMA ini telah menjadi sebagai super middleman, dengan izin, iaitu sebelah kiri kita ada penanam, pemborong FAMA, sebelah kanan kita ada pemborong, baru pembeli. Jika dulunya, kita ada penanam, pemborong dan pembeli, tetapi sekarang ini FAMA di tengah-tengah FAMA beli dari pemborong, pemborong beli daripada penanam, sebelah sana pula FAMA jual kepada pemborong, pemborong jual kepada pembeli. Jadi, kita tidak boleh hendak mengharapkan harga itu akan turun kalau FAMA buat begitu dan memanglah harga akan meningkat. Adakah rungutan ini benar?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan itu tidaklah benar. Sebenarnya, apa yang FAMA buat ialah untuk menguruskan satu meeting point atau tempat pertemuan bagi pengeluar, petani dan pemborong. Jadi, FAMA tidak beli hasil pengeluaran kecuali pada masa-masa yang mana harganya turun sehingga petani-petani itu tidak dapat jual **itu**, dan FAMA akan beli dengan harga yang lebih daripada harga yang pemborong dapat beri kepada petani, Pada masa-masa itu kerana kita hendak stabilise kan harganya, kita campurtangan untuk membeli. Selain daripada **itu**, kita cuma mengaturkan satu tempat pertemuan supaya pengeluar atau petani itu dapat bertemu dengan pembeli. Mereka berunding harga diantaranya, dan FAMA hanya mengambil sedikit hasil daripada petani untuk simpanan storage kita. Itu adalah satu nominal sum sahaja. FAMA tidak campurtangan dalam urusniaga sama ada dalam hal membeli buah-buahan ataupun menjual buah-buahan. Kita cuma bagi senarai atau list of exporters atau senarai pemborong, supaya petani-petani boleh pergi terus kepada pemborong-pemborong itu ataupun exporters itu untuk menjualkan hasilnya kepada mereka. Jadi, pengaduan yang ditimbulkan itu tidaklah tepat.

Satu lagi perkara yang menyebabkan harganya melambung tinggi, itu adalah kerana promosi jualan di luar negeri kerana kebanyakan hasil-hasil ini dieksport. Contohnya, harga buah belimbing, dahulu kita boleh dapat dengan harga \$1.80 sekilo, tetapi sekarang sudah naik sehingga 53,00 sekilo - saya tahu ini kerana saya ada beli untuk \$3.00. Lagi pun, mutunya tidak berapa elok kerana mutu yang elok itu telahpun dieksport. Jadi, harga itu adalah tinggi. Harga yang tinggi itu pulang kepada petani ataupun rakyat kita juga. Kita juga dapat keuntungan dengan pertukaran wang asing. Itu adalah satu

perkara yang bukan hanya menguntungkan petani atau orang yang jual itu, tetapi juga yang dapat menguntungkan kepada negara kita kerana kita dapat tukaran wang asing.

Berkenaan dengan mengapa buah-buah seperti mempelam ataupun nenas kita masam daripada negara jiran, di dalam bidang ini MARDI telah buat banyak penyelidikan berkenaan dengan benih-benih supaya meningkatkan mutu hasil pengeluaran kita. Sebagai contohnya, dahulu kita keluarkan banyak papaya, tetapi sekarang kita telah maju dengan eksotika. Eksotika boleh dikeluarkan, boleh dieksportkan - ini satu. Keduanya belimbing, dahulu belimbing itu masam, sekarang kita keluarkan satu jenis belimbing iaitu belimbing 12 dan ini adalah manis seperti durian. Itu adalah dalam bidang penyelidikan MARDI. FAMA tidak membuat penyelidikan. FAMA cuma membuat kajian pasaran dan mendapat maklumat mengenai pasaran dan harga untuk diedarkan kepada petani-petani supaya petani-petani tidak dapat ditipu oleh pemborong-pemborong. Itu tugas FAMA. Jadi, semua ini adalah dalam kajian ataupun penyelidikan MARDI. Mereka sedang membuat segala penyelidikan dalam bidang ini supaya meningkatkan mutu penghasilan kita.

Yang Berhormat Dato' Azumu pula menyentuh berkenaan dengan tatatertib dan surcaj, khasnya surcaj yang akan dikenakan kepada pegawai yang berhenti kerja atau yang telah bersara. Surcaj ini dikenakan kerana pegawai-pegawai itu menyeleweng dalam menjalankan tugas mereka dan telah kurang mengutip satu-satu duit ataupun dibuatnya dengan sengaja. Apabila mereka sudah berhenti kerja atau bersara, jikalau kita tidak menuntut itu, ini mungkin akan menjadi contoh kepada orang-orang lain yang juga boleh ikut. Kadang-kadang angka yang didapati itu sangat besar. Jadi, kerana itu ianya telah

merugikan Kerajaan, telah merugikan FAMA. Kalau kita ada peraturan-peraturan ini, kita boleh ambil tindakan tatatertib dan boleh menuntut daripada sesiapa yang menyeleweng dalam tugasnya ataupun yang sengaja mengurangkan kutipan kita supaya kita dapat balik apa yang patut.

Yang Berhormat Dato' Azumu juga menyoal berapakah surcaj yang hendak dikenakan. Surcaj yang dikenakan itu ialah mungkin perbezaan daripada harga yang patut dikutip dengan harga yang dikutip sebenar olehnya. Kita menuntut hanya apa yang kita berhak. Oleh sebab itu tatatertib hendaklah dikenakan kepada pegawai-pegawai yang telah bersara ataupun telah berhenti kerja.

Berkenaan dengan kemusnahan harta, adakah kes-kes kemusnahan harta ataupun rekod-rekod mengenai akaun, itu tidak disimpan, saya ingin memberitahu bahawa kemusnahan harta itu setakat ini setahu saya, tidak ada, tetapi saya tidak berani jamin. Setahu saya, tidak ada kes seperti ini, tetapi tindakan tatatertib dan peraturan-peraturan ini dibuat untuk menjaga, untuk prevention rather than cure. Berkenaan dengan rekod-rekod yang tidak disimpan ataupun akaunnya tidak sempurna, kes seperti ini memang ada dan tindakan-tindakan telah diambil. Saya telah pun laporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tindakan telah ataupun sedang diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat. Berkenaan dengan terms and conditions, mengapa ianya berbeza dalam cadangan ini, ini disebabkan kerana, seperti yang telah saya katakan, FAMA adalah satu pertubuhan atau satu agensi yang fungsinya berlainan dengan pertubuhan ataupun Jabatan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Ong Tin Kim: Tidak, lebih kurang 5 minit sahaja dan saya akan habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Saya minta satu minit lagi. Kerana fungsi agensi ini adalah berlainan, jadi terms and conditions itupun adalah berlainan juga.

Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara yang tidak dapat saya menjawab telahpun dicatatkan oleh pegawai-pegawai kita dan Kementerian saya akan mengambil perhatian tentang segala pandangan dan teguran dan tindakan akan diambil sewajarnya. Sekian, terima kasih;

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa pun sudah cukup, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari Isnin 18hb Disember, 1989 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.